


**Jilid II
Bil. 42**



**Hari Selasa
30hb Oktober, 1984**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6049]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Tragedi di Tapak Pembinaan Jambatan Pulau Pinang [Ruangan 6085]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6088]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6088]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M., TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kelapa Batas).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

- Yang Berhormat MENTERI BURUH, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD. D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATU MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI 'ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 30hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**BANK DATA TANAH
BERKOMPUTER**

1. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Unit Bank Data Tanah melalui Sistem Bank Data Tanah Berkomputer dalam usaha untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran dan perancangan tanah berkomputer pada semua Pejabat-pejabat tanah di seluruh Semenanjung. Setakat ini berapakah jumlah Pejabat-pejabat Tanah yang telah dilengkapi dengan alat-alat komputer dan jumlah kakitangan Pejabat Tanah yang telah dilatih bagi mengendalikan alat-alat komputer berkenaan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua. Projek Bank Data Tanah Berkomputer di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dilancarkan pada 24hb Mac 1983. Projek ini adalah

sambungan daripada program untuk merangka sistem pentadbiran tanah dengan menggunakan komputer kerangka utama (main frame) yang telah dimulakan di negeri Pulau Pinang pada 14hb Mei 1984. Sementara itu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah menyiapkan satu sistem komputer khas yang sama dengan menggunakan komputer mikro.

Pada peringkat permulaannya Projek Bank Data Tanah ini akan menumpukan perhatian kepada kutipan hasil tanah dengan menggunakan komputer mikro dan dijangka akan dapat dilaksanakan pada 1hb Januari 1985. Sebanyak 26 buah Pejabat Tanah di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia yang telah menjalankan persiapan-persiapan awal akan dibekalkan dengan alat-alat komputer mikro sebelum akhir tahun 1984 sementara Pejabat-pejabat Tanah yang lain pada awal tahun 1985.

Selain daripada itu, usaha-usaha juga telah dijalankan untuk melatih kakitangan Pejabat-pejabat Tanah untuk memahami dan menggunakan sistem yang diwujudkan itu. Seramai 57 orang pegawai dan kakitangan Pejabat-pejabat Tanah telah pun menghadiri kursus-kursus asas pengenalan komputer di INTAN. Latihan sambil bekerja dalam penggunaan komputer mikro juga akan diberi apabila alat-alat komputer itu dibekalkan ke Pejabat-pejabat Tanah itu kklak.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa salah satu daripada sistem komputer ini diambil ataupun dibuat ialah untuk kutipan hasil cukai tanah. Saya amat bersetuju. Soalnya dalam pindaan Kanun Tanah Negara yang telah dibuat yang lalu, salinan-salinan geran tanah ataupun surat hak milik boleh dikeluarkan kepada individu-individu yang memiliki tanah dalam undivided share. Adakah Kerajaan bercadang untuk memecahkan bil-bil hasil bagi tiap-tiap individu itu bagi memudahkan kutipan pada masa yang akan datang?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dalam penyelidikan Kementerian untuk membolehkan masuk ke dalam program komputer.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apa anggaran perbelanjaan untuk mengadakan satu sistem komputer yang sepenuhnya untuk pentadbiran tanah dan adakah satu angka bila satu sistem komputer yang penuh boleh diwujudkan?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka anggaran sepenuhnya tetapi dalam usaha permulaan ini perbelanjaan setakat ini dengan menggunakan komputer mikro dan beberapa buah yang telah kita bekalkan di Johor, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Kedah, Selangor dan Trengganu sekarang memakan belanja lebihkurang \$115,000 untuk permulaan dan anggaran sepenuhnya saya ada di sini iaitu lebihkurang \$3,184,000 untuk hanya sistem mikro di seluruh Pejabat Tanah tetapi untuk

satu sistem yang lebih besar adalah dalam kajian Kementerian.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa sistem komputer yang diadakan pada masa ini adalah hanya bertujuan untuk melaksanakan tugas mengutip hasil tanah. Jadi, adakah sistem komputer ini di masa-masa yang akan datang akan diperluaskan untuk memproses permohonan-permohonan tanah yang pada masa ini terlalu banyak yang masih belum diproses di atas alasan kekurangan kakitangan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan Pegawai-pegawai Penempatan (S.O.S) di pejabat-pejabat tanah bagi melaksanakan tugas-tugas menyukat, mengukur dan memproses permohonan-permohonan tanah yang menjadi isu hangat di kalangan penduduk-penduduk luar bandar yang kelaparan tanah.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, sistem komputer ini hanyalah alat pentadbiran untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan walaupun sistem ini baru sahaja diperkenalkan ada juga negeri-negeri yang telah berjaya meningkatkan penggunaan komputer ini seperti di Pulau Pinang yang telah mewujudkan beberapa program seperti Sistem Pentadbiran Cukai Sewa, Sistem Pentadbiran Bukan Cukai Sewa dan juga Sistem Pentadbiran Lesen Kedudukan Sementara dan adalah menjadi hasrat Kementerian untuk mempertingkatkan lagi penggunaan komputer ini supaya dapat melicinkan lagi pentadbiran tanah dalam semua aspek.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa sistem komputer ini akan

dilengkapkan di 65 buah pejabat-pejabat tanah. Jadi, apakah ciri-ciri pemilihan pejabat-pejabat tanah yang akan dilengkapkan dengan komputer itu kerana pejabat tanah ini banyak dan apakah rangkaian satu masa semua pejabat tanah yang ada ini akan dilengkapkan sebagaimana yang dirancangkan itu.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri utama ialah dari segi keperluan pejabat tanah itu sendiri terutama sekali bagi pejabat-pejabat tanah yang mengendalikan beban kerja yang besar seperti terutama sekali dalam bandar-bandar besar di mana pentadbiran tanah bukan sahaja meliputi masalah permintaan tanah tetapi juga semua dealings ataupun semua hal berkaitan dengan tanah seperti pecah sempadan, pindah milik dan sebagainya yang boleh dikatakan banyak berlaku dalam kawasan bandar.

Jadi, ciri-ciri keperluan ini amat penting selain daripada ciri-ciri lain yang sedang kita fikirkan.

Seperti yang saya katakan tadi kita akan melaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kriteria-kriteria keperluan yang telah dikenalpastikan oleh Kementerian.

DEBAT AGUNG PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI

2. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) sejauh manakah Akta Universiti dan kolej Universiti membenarkan memberi kebenaran kepada pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi itu mengadakan Majlis-majlis Forum dan Debat Agungnya pada setiap tahun: dan

(b) adakah pihak Kementerian menyedari bahawa kebanyakan dari perbincangan di dalam debat agung itu digunakan untuk mencaci Kerajaan dan menghina wakil-wakil dari pihak Kerajaan di samping menyanjung pula pihak pembangkang. Kalau benar apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kejadian yang buruk ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmed Badawi): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Akta berkenaan memang membenarkan pelajar-pelajar kita mengadakan debat-debat Agung ataupun Forum di universiti dengan syarat bahawa kebenaran terlebih dahulu didapati daripada Naib Chancelor.

Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa dalam Debat-debat yang diadakan itu atau Forum-forum yang diadakan itu biasa terdengar adanya kritik-kritik yang juga tajam yang dilemparkan kepada Kerajaan dan ada juga nampaknya sikap-sikap daripada setengah golongan pelajar yang nampak menentang Kerajaan. Tetapi ini tidak bermakna bahawa semua yang hadir di debat-debat Agung itu ataupun Forum-forum itu menentang Kerajaan belaka. Ada juga yang menyokong Kerajaan dan memperlihatkan sokongan mereka itu dalam debat-debat itu.

Walau bagaimanapun, seperti biasalah kegiatan-kegiatan pelajar di mana sahaja sentiasa dalam perhatian kita untuk memastikan supaya segala kegiatan yang dibenarkan itu akan menjadi kegiatan yang sihat dan yang memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam debat itu.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri iaitu mengapakah Kementerian Pelajaran tidak membuat satu-satu peraturan untuk universiti-universiti bagi menentukan supaya satu-satu debat yang diadakan hanyalah untuk pelajar-pelajar atau mahasiswa-mahasiswi di universiti tersebut untuk mereka menambah pengetahuan dan pengalaman mereka, dan adakah Kementerian menyedari ada pihak-pihak tertentu yang mengimport penyokong-penyokong mereka dari luar untuk mengharu-birukan debat yang diadakan. Kalau sedar, apakah keadaan yang kurang sihat ini akan dibiarkan berterusan pada masa-masa hadapan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, memang sebagaimana saya katakan tadi bahawa kegiatan khususnya dalam hal ini debat yang dijalankan itu sentiasa kita perhatikan dan pada waktu ini memanglah kita tidak ada sebarang cadangan untuk hendak menyekat daripada orang luar menghadiri untuk mendengarnya. Sebenarnya debat-debat yang diadakan itu kalau dijalankan dengan baik memang ada manfaatnya kerana ahli-ahli yang dijemput hadir dan berucap dalam Forum adalah mewakili dari semua parti yang ada—Parti Kerajaan dan juga Parti Pembangkang. Cuma yang hendak dipastikan sahaja iaitu perjalanan itu, cara debat itu dijalankan adalah suatu cara yang baik dan jika sekiranya dengan keadaan yang dibenarkan sekarang ini iaitu dengan dibenarkan orang luar menghadiri maka ia akan membawa kepada suatu keadaan sehingga debat itu tiada lagi bermakna dan tiada lagi faedah kepada sesiapa pun, cuma kekacauan dan huru-hara semata-mata maka tentang ini eloklah, saya percaya, pihak universiti boleh

diarahkan supaya tidak mengadakan debat itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri memberitahu adakah baru-baru ini pihak Persatuan Akademik Universiti menghantar suatu memorandum kepada Kerajaan meminta syarat-syarat UCCA ini dilonggarkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kalau kepada saya belum lagi, saya tidak terima sebarang surat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri Pelajaran sebentar tadi mengakui bahawa memang ada terdapat hasil daripada debat itu pelajar-pelajar yang menentang Kerajaan dan adakah Menteri sedar bukan sahaja di tempat perdebatan itu, mereka ini balik ke kampung dan mempengaruhi orang kampung membuat syarahan dan sebagainya mencerca Kerajaan.

Jadi, adakah Kementerian Pelajaran boleh mengambil tindakan menarik balik biasiswanya dan sebagainya. Tidak guna Menteri Pelajaran beri biasiswa sedangkan dia menentang kita.

Timbaian Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa soalan itu keluar sedikit tetapi saya pulangkanlah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sama ada mahu atau tidak menjawabnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Boleh jawab. Tuan Yang di-Pertua, soalnya yang hendak dipastikan dalam hal ini apakah yang dimaksudkan dengan menentang Kerajaan itu.

Memanglah kita memberi scholarship kepada pelajar-pelajar

kita dengan tujuan supaya mereka mengikuti kursus-kursus tertentu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, kursus-kursus yang kita fikir adalah penting untuk keperluan pentadbiran Kerajaan. Jadi, apabila kita memberi scholarship kita menghantar mereka untuk belajar. Setelah mereka belajar dan mendapat kelulusan sijil ataupun ijazah maka mereka dikehendaki balik bekerja dan berkhidmat dengan Kerajaan. Jika sekiranya orang yang diberi scholarship diamanahkan untuk belajar dan diikat janji bersyarat, kemudian balik bekerja dengan Kerajaan memperlihatkan suatu sikap yang benar-benar menentang Kerajaan, dalam hal ini maka kita tidak akan teragak-agak menarik balik scholarship.

PERDAGANGAN JEPUN— MALAYSIA

3. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan selepas beliau mengkritik negeri Jepun dalam colloquim Jepun—Malaysia bahawa dalam bidang perdagangan, Jepun cuma memainkan peranan “mengambil tanpa memberi” dan mengekalkan sistem ekonomi bercorak penjajahan atas Malaysia, apakah “response” yang telah dibuat oleh negeri Jepun dan sama ada “response” itu boleh diterima oleh Malaysia dan jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan perdagangan yang didapati berat sebelah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, didapati masih belum ada “response” yang nyata daripada pihak Jepun yang boleh menyumbang kepada perubahan corak hubungan

perdagangan sekarang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat masih banyak usaha yang perlu dibuat oleh Jepun dengan mengurangkan halangan dagangan terutamanya kepada barang-barang perkilangan Malaysia, bagi membaiki kedudukan perdagangan antara kedua buah negara.

Namun demikian, di sini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi membetulkan kedudukan tidak seimbang tersebut. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (a) Menggalakkan eksport keluaran Malaysia terutamanya barang-barang perkilangan. Kegiatan galakan eksport ini akan dijalankan melalui pejabat perdagangan Malaysia di Jepun serta penghantaran misi-misi perdagangan. Di sini harus disedari bahawa kejayaan usaha-usaha Kerajaan ini adalah tertakluk kepada sambutan dan kerjasama daripada para pengilang Malaysia supaya berusaha mengeluarkan barangan mengeluarkan barangan yang bermutu sesuai dengan kehendak pasaran di Jepun.
- (b) Memperkenal dan menggalakkan eksport secara ‘counter-trade’. Amalan ini telah dan akan terus diperkenalkan kepada syarikat-syarikat Jepun yang berjaya mendapat tender menjalankan projek-projek pembangunan di Malaysia.
- (c) Menimbang untuk mendapatkan bekalan negara dari punca-punca lain yang cekap mengeluarkan barang-barang yang dikehendaki.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun pada 13 hingga 16hb Oktober 1984, beliau telah berbincang dengan Perdana Menteri Jepun, Encik Nakasone tentang cara-cara untuk membaiki, mengatasi masalah tidak seimbang dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Dalam perbincangan tersebut mereka telah menyentuh soal kurang imbalan dagangan—"trade deficit", dengan izin, dan pembukaan pasaran Jepun kepada barang-barang daripada Malaysia.

Berhubung dengan ini Perdana Menteri Jepun telah berjanji untuk berusaha seboleh-bolehnya bagi mengatasi masalah kekurangan imbalan dagangan. Saya yakin bahawa melalui usaha-usaha ini dan persefahaman dari pihak Jepun dalam jangka panjang kedudukan perhubungan dagangan yang tidak seimbang dengan Jepun sekarang akan dapat diperbaiki.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan kes yang diterima oleh Biro Bantuan Guaman bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut—

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan kes</i>
1982..	7,781
1983..	9,721
1984 (hingga Ogos)	5,873

Jenis kes-kes yang dirujuk adalah meliputi semua kes yang melibatkan undang-undang keluarga (Family Law) bagi orang Islam dan bukan Islam seperti nafkah, cerai, jagaan anak, harta sepencarian, pampasan pekerja di bawah Workmen Compensation Act, pembahagian harta pesaka, surat mentadbir pesaka dan probate, tuntutan sivil ganti rugi kemalangan jalanraya, tuntutan pengguna, kes di bawah Akta Sewabeli, sewa menyewa, pengambilan anak angkat, pengakuan salah dalam perbicaraan jenayah, Jenayah Kanak-kanak dan orang muda, Jenayah di bawah Ordinan Kesalahan Kecil dan pelbagai nasihat guaman (lisan dan bertulis).

- (b) Bilangan kes yang telah dirujuk oleh Biro kepada Peguam Negara ialah 3, dan bilangan kes yang telah diluluskan untuk diurus oleh Biro ialah 2.

BIRO BANTUAN GUAMAN— BILANGAN KES

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) bilangan kes yang diterima oleh Biro Bantuan Guaman untuk tahun-tahun 1982, 1983 dan sehingga Ogos 1984 dengan memberi jenis kes yang dirujuk kepada;
- (b) sejak lulusnya pindaan ke atas Akta Bantuan Guaman baru-baru ini yang memperluaskan bidang kuasa Biro ini, berapa banyak kes kelulusan yang telah dikeluarkan oleh Peguam Negara untuk kes-kes yang menyentuh kepentingan awam untuk diuruskan oleh Biro; dan
- (c) bagaimana kekuatan tenaga pekerja Biro ini dan apakah langkah atau rancangan untuk memperluas biro ini supaya sampai ke golongan miskin di bandar dan di luar bandar.

- (c) Biro Bantuan Guaman beribu pejabat di Kuala Lumpur dan mempunyai 15 cawangan di kesemua ibu negeri-ibu negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Kekuatan tenaga pekerja sekarang ialah seramai 112 orang seperti berikut—

Kategori	Kumpulan	●rang
(i)	Kumpulan A (Pegawai Undang-undang) . .	14
(ii)	Kumpulan B (Pembantu Undang-undang)	18
(iii)	Kumpulan C (Kerani dan Jurubahasa) . .	44
dan (iv)	Kumpulan D (Pelayan Pejabat, Jurutaip dan Kerani Rendah)	36
Jumlah . .		112

Langkah atau rancangan untuk memperluaskan Perkhidmatan Biro ini supaya sampai ke golongan miskin di bandar dan di Luar bandar adalah seperti berikut—

- (a) menyampaikan ceramah-ceramah mengenai peranan Biro di bandar dan di luar bandar;
- (b) menyebarkan risalah-risalah.
- (c) penyampaian maklumat-maklumat mengenai peranan Biro melalui media massa,
- (d) bekerjasama dengan lain-lain jabatan Kerajaan seperti Pejabat Buruh, Pejabat Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah dalam meluaskan perkhidmatan Biro;
- (e) menambah pejabat cawangan Biro selain daripada di ibu negeri-ibu negeri. Sebuah di Taiping (Perak) dan sebuah lagi di Muar (Johor) telah pun dibuka. Sebuah lagi di Raub (Pahang) atas permintaan Ahli Yang Berhormat di situ akan dibuka pada tahun 1985.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kes-kes yang telah dirujuk kepada Biro Bantuan Guaman kian bertambah tahun demi tahun, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk meluaskan lagi perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini dengan pengambilan lebih banyak kakitangan-kakitangan untuk menguruskan kes-kes yang berkenaan.

Di sini juga saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang tiga kes yang telah diluluskan oleh Peguam Negara untuk kes-kes yang menyentuh kepentingan awam. Bolehkah Yang Berhormat

Menteri memberi butir-butir berkenaan ketiga-tiga kes itu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang pertama memang menjadi hasrat Biro Bantuan Guaman ini untuk menambah bilangan kakitangan mengikut keupayaan kewangan Kerajaan; dan oleh sebab bilangan kes-kes yang dirujuk kepada Biro ini sentiasa bertingkat semenjak Biro ini ditubuhkan dalam tahun 1970 mengikut keperluan dan kewangan kita akan tambah seberapa yang boleh; dan sebenarnya semenjak jawapan itu diberikan kepada saya sudahpun bertambah sedikit dan pada

ketika ini Biro ini sebenarnya mempunyai sebanyak 139 orang ketika ini.

Yang kedua seberapa yang boleh saya akan memberi jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yabya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah menerangkan dalam tahun 1982 7,000 lebih dan 1983 9,000 lebih sehingga tahun 1984 5,873, suka saya bertanya kalau dapat Yang Berhormat Menteri menerangkan daripada kes-kes yang diterima oleh Biro Bantuan Guaman ini, prestasinya adakah menggalakkan dan sebanyak manakah kes-kes yang telah dapat dibela ataupun diselesaikan oleh Biro Bantuan Guaman ini kerana ianya mendapat sanjungan dan pujian daripada rakyat.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan di jawapan asal saya, jenis-jenis kes yang dirujuk dan dikendalikan oleh Biro ini adalah meliputi semua yang melibatkan Undang-undang Keluarga (Family Law) dan sebagainya dan kepada Ahli Yang Berhormat tadi, saya tidak mempunyai pecahan kes-kes ini ataupun prestasi penyelesaiannya tetapi sekali lagi saya boleh memberi jawapannya secara bertulis.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu, adakah Kerajaan sedia bercadang untuk memperluaskan bidang kuasa Biro ini supaya termasuk semua jenis kes-kes jenayah bukan sahaja kes-kes tentang "minor offences", dengan izin.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, semasa Biro Bantuan Guaman dimulakan untuk masyarakat kita dalam tahun 1970 dan apabila

Akta Bantuan Guaman diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1971, bidang kendalian Biro ini sebenarnya sangat terhad. Hanyalah di tahun-tahun sesudahnya baharulah ia meliputi bidang yang luas iaitu kes-kes sivil dan juga jenayah yang kecil yang telah dikhususkan untuknya sehingga kini. Pada ketika ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk memberi kuasa dalam bidang jenayah, misal kata pembunuhan dan sebagainya, kerana itu adalah tertakluk di bawah undang-undang tertentu yang lain.

GAJI SEKTOR AWAM— SEMAKAN

5. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula tanggagaji dan sekim perkhidmatan kakitangan Kerajaan di semua peringkat memandangkan kenaikan sara hidup yang tinggi sekarang dan bilangan kakitangan Kerajaan dalam semua kategori yang terpaksa menanggung beban hutang akibat sara hidup yang tinggi.

Dato Mobamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuat penyemakan gaji bagi pekerja-pekerja dalam sektor awam.

Walau bagaimanapun perubahan penyemakan sekim perkhidmatan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada perlunya sesuatu perkhidmatan umpamanya kerana dari segi kelayakan masuk ke jawatan, latihan-latihan yang diperlukan dan juga syarat perkhidmatan yang dikehendaki untuk memberi perkhidmatan yang lebih "efficient". Dengan perubahan sekim ini pada lazimnya tanggagaji akan juga berubah sesuai dengan dasar Laporan

Kabinet—yang menetapkan tanggung berseduaian kepada kelayakan akademik perkhidmatan jawatan.

BURUH ASING—PENGISIAN KEKOSONGAN TENAGA KERJA

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Buruh menyatakan Kerajaan kita hari ini telah membuka jalan pengambilan pekerja-pekerja dari negara-negara asing maka adakah ini menunjukkan bahawa pengangguran-pengangguran tidak ada lagi sama sekali dalam Negara kita ini buat masa sekarang jika masih ada kenapakah buruh-buruh asing masih diperlukan dan adakah kerja-kerja yang dikerjakan oleh buruh-buruh asing itu pekerjaan yang tidak boleh dikerjakan oleh buruh-buruh kita; apakah tujuannya pengambilan buruh-buruh asing sedangkan rakyat-rakyat negara kita sendiri masih ada yang menganggur.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, tujuan Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing ialah untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang wujud bukannya untuk mengambil tempat atau menggantikan pekerja-pekerja tempatan yang sedia ada dan juga bukannya untuk merampas peluang-peluang pekerjaan pekerja-pekerja tempatan di negara kita ini.

Oleh yang demikian, perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah berbangkit sama sekali.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Memandangkan bahawa peluang-peluang pekerjaan yang kita wujudkan dalam negara kita ini ditanggung belanjanya oleh negara dan rakyat dan

kemasukan pekerja-pekerja asing ini di atas apa alasan sekalipun adalah di atas belanja negara dan rakyat dan merugikan dan memandangkan bahawa kita mempunyai jumlah pengangguran yang tinggi yang pula merupakan satu faktor yang merugikan negara dan rakyat itu sendiri, tidakkah soal kemasukan pekerja asing itu di atas apa sebab sekalipun patut dipandang berat oleh pihak Kerajaan. Berhubung dengan ini, saya suka hendak bertanya juga iaitu setakat manakah sebenarnya kita telah menjalankan kajian dan juga usaha-usaha dan langkah-langkah untuk “mobilise” memastikan bahawa pekerja-pekerja kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat jangan berhujah, tanya sahaja soalan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Itu soalan, Tuan Yang di-Pertua. Setakat manakah kita menjalankan usaha supaya tenaga pekerja kita yang masih ada yang menganggur itu dapat sebenarnya dipastikan dapat digunakan untuk mengambil peluang-peluang pekerjaan yang ada di negara ini?

Soalan yang kedua, mengapakah kita masih belum mahu menggunakan sepenuhnya satu dasar “minimum wage” supaya perkara ini juga mungkin dapat mengatasi masalah setengah-setengah pekerja tak mahu bekerja dan mengambil peluang-peluang pekerjaan dalam negara ini?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan pandang berat tentang masalah pengangguran di negara ini dan juga kekurangan tenaga pekerja di negara ini yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan dari segi pendapatan cukai eksport dan seterusnya, tetapi Kerajaan tidaklah berupaya untuk menunggu supaya

mereka yang menganggur menukar sikap untuk merebut kerja-kerja yang memang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dijangka pada tahun hadapan tenaga kerja yang Kerajaan memerlukan di sektor-sektor ladang dan pembinaan adalah sebanyak 60,000 orang dan untuk menampung keperluan ini Kerajaan telah pun bersetuju dengan Kerajaan Indonesia untuk membawa masuk atas permintaan Kerajaan Malaysia pekerja-pekerja di sektor yang saya sebutkan tadi.

Buat permulaannya hanya 100 pekerja sahaja dimasukkan dahulu dengan harapan bahawa mereka yang menganggur di negara kita ini akan mengubah sikap dan seterusnya merebut peluang pekerjaan yang memang ada dalam negara ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dapat disimpulkan bahawa Kerajaan akan meneruskan usaha mengambil tenaga buruh asing untuk bekerja di negara kita pada masa-masa hadapan. Jadi soalan tambahan saya adakah pengambilan tenaga kerja ini disyaratkan hanya kepada employment agencies yang telah didaftarkan di negara kita ini? Kalau ya, berapakah employment agencies yang ada setakat ini?

Soalan kedua, adakah Kerajaan akan mensyaratkan pengambilan tenaga buruh dari negara-negara anggota ASEAN, dan di antara negara ASEAN tersebut, negara manakah yang paling ramai sekali tenaga buruh yang dibawa masuk dalam negara kita, berapakah bilangan anggarannya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan kita dengan Kerajaan

Indonesia, bertarikh 12hb Mei tahun ini, perjanjian untuk memasukkan pekerja-pekerja asing dari Indonesia akan diadakan di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Bermakna agensi-agensinya yang ingin mengelolakan kemasukan pekerja-pekerja itu diminta berhubung dengan Kementerian Buruh.

Yang kedua, kita tumpukan kemasukan pekerja-pekerja asing itu kepada negara-negara ASEAN dan juga termasuk Sri Langka, India dan Bangladesh. Buat permulaannya, kita tumpukan kepada negara jiran yang berhampiran yang mempunyai tenaga buruh yang begitu banyak mengikut iklimnya amat sesuai untuk keperluan negara kita.

KAKITANGAN KERAJAAN— ANTI-KERAJAAN

7. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap dan langkah-langkah Kerajaan terhadap kakitangan-kakitangan awam yang anti-Kerajaan seperti di jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dan di Institusi-institusi pelajaran, termasuk di sekolah-sekolah. Adakah tidak Kerajaan sedar bahawa sesetengahnya terlibat dengan kegiatan-kegiatan anti-Kerajaan, dan menyeleweng dalam tugas dan tanggungjawab mereka.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seseorang pegawai Kerajaan pada setiap masa dan waktu dikehendaki menumpukan taat setianya yang tidak berbalah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Negara dan Kerajaan.

Oleh itu, tidak sepatutnya pegawai dan kakitangan Kerajaan mengambil sikap anti-Kerajaan dan menyeleweng dalam tugas dan tanggungjawab

mereka. Sekiranya terbukti seseorang kakitangan Kerajaan terlibat dengan kegiatan-kegiatan itu maka tindakan tatatertib dengan membuang kerja dan lain-lain tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mereka mengikut Perintah Am Bab "D", 1980.

Walau bagaimanapun, sekiranya kegiatan-kegiatan kakitangan Kerajaan itu boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam, maka mereka juga boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa Perintah Am Bab "D" itu boleh dipergunakan. Saya faham maksud itu. Jadi bolehkah Yang Berhormat menjelaskan setakat ini berapakah jumlah tindakan tatatertib telah diambil oleh Kerajaan melalui Perintah Am Bab "D" itu dan sedarkah Kerajaan bahawa Perintah Am Bab "D" itu tidak dipergunakan dengan baik oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dalam usaha untuk mendisiplinkan sebahagian kecil kakitangan Kerajaan itu?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Kerajaan tidak mengambil tindakan di bawah Perintah Am Bab "D" oleh kerana saya ingin menyatakan di sini bagi tahun 1983 mengikut kesalahan-kesalahan tatatertib yang dikenakan mengikut peraturan ini, Kerajaan telah mengambil tindakan sejumlah 1,786 kes, termasuk 316 kes mengenai buang kerja.

JAWATANKUASA PENILAIAN PENCAPAIAN AKADEMIK

8. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu

Jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menilai pencapaian akademik dan kecekapan menjalankan tugas jurutera-jurutera awam, mekanikal dan elektrik yang lulus dari Universiti-universiti di Amerika Syarikat memandangkan adanya perbezaan sistem pelajaran negara Amerika dengan negara-negara Great Britain, New Zealand, Australia dan Canada; jika ada nyatakan bila Jawatankuasa ini ditubuhkan dan orang-orang yang menganggotainya, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Menilai Pencapaian Akademik yang dimaksudkan itu kerana telah sedia ada satu Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang diwujudkan khas untuk menilai kelayakan akademik dan professional dalam berbagai bidang termasuk kejuruteraan sama ada yang dikeluarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan mahu pun di luar negeri.

Kelayakan-kelayakan dari Amerika juga diterima oleh Institut Jurutera Malaysia dan Jurutera-jurutera berkenaan boleh berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

DAGING IMPORT— MENGATASI TUKARAN ASING

9. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan tentang jumlah daging-daging lembu yang diimport dari luar negeri pada tiap-tiap tahun. Jika jumlah import adalah besar dan melibatkan pertukaran wang asing yang tinggi, adakah Jabatan Haiwan di Kementerian beliau bercadang melipatgandakan usaha penternakan lembu daging secara kormersil.

Timbul Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah daging lembu yang diimport dari tahun 1973-1983 adalah:

Tahun	Import/Tan Metrik
1793	1,049
1974	1,270
1975	3,065
1976	4,749
1977	6,656
1978	11,572
1979	7,274
1980	5,106
1981	6,838
1982	9,267
1983	9,473

Pengimportan ini merupakan lebih kurang 40%-50% daripada jumlah keperluan daging lembu negara. Berasaskan kepada Dasar Pertanian Negara, Kementerian Pertanian telah menetapkan bahawa kadar pengeluaran tempatan dikekalkan ke tahap sekurang-kurangnya 50% dari jumlah keperluan.

Pengeluaran daging tempatan tahun lepas iaitu 1983 adalah 8,223 tan metrik daging lembu dan 5,047 tan metrik daging kerbau.

Untuk menyempurnakan keperluan-keperluan daging dari sumber tempatan ini dan setelah mengambilkira pertambahan penggunaan perkapita dan juga peningkatan kependudukan, beberapa rancangan telah dan akan dilaksanakan untuk mempromosikan lagi perusahaan penternakan dan industri pengeluaran daging. Pengeluaran berbentuk komersial akan diutamakan dan dititikberatkan. Kegiatan-kegiatan alirikutan 'Downstream activities', dengan izin, berhubung dengan bahan-bahan hasil ternakan juga akan digalakkan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Plab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa berasaskan Dasar Pertanian Negara, Kerajaan telah mengharapkan pengeluaran daging negara sekurang-kurangnya 50%. Jadi, saya ingin bertanya apakah faktor-faktor penting yang menyebabkan Kerajaan mengadakan had pengeluaran ke angka 50%, mengapa tidak supaya pengeluaran daging ini diusahakan sehingga 100% sekurang-kurangnya dapat menguntungkan pertukaran wang asing bagi negara ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, satu sebab daripada tindakan yang telah pun diambil oleh Kerajaan terhadap masalah ini Kerajaan telah mempertimbangkan bahawa adalah kurang daripada segi kos kalau kita mengimport sebanyak 50% daging yang diperlukan oleh rakyat di negara ini daripada kita menternakan binatang untuk daging oleh kerana kos pengeluarannya sangat tinggi. Namun demikian, rancangan-rancangan di bawah Kementerian Pertanian khususnya Jabatan Haiwan ada juga rancangan-rancangan sebagai menggemukakan iaitu 'fattening scheme' dengan izin, peliharaan induk ataupun 'beef breeder scheme' dan sebagainya. Dengan terlancarnya rancangan-rancangan ini kita akan tidak ada kekurangan daging untuk keperluan rakyat di negara kita.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana begitu banyak kita mengimport daging daripada luar negeri, bagaimanakah Kementerian Pertanian mengetahui bahawa daging-daging yang kita import itu adalah bermutu tinggi ataupun sesuai dari segi kesihatan untuk kita gunakan dalam negara kita.

Kedua, bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa daging-daging yang kita import itu adalah halal digunakan di negara kita.

Ketiga, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dari negara manakah kita mengimport daging-daging itu sama ada dari satu negara sahaja atau beberapa negara?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat seharusnya Yang Berhormat tidak merasa ragu-ragu terhadap daging-daging yang diimport masuk ke negara kita oleh kerana pihak Kerajaan Malaysia telah membuat perjanjian yang tertentu dengan negara-negara dari mana kita mengimport daging-daging ini bahawa semua daging ini ditanggung halal dan juga untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu yang saya ketahui pada ketika ini kebanyakan daging-daging yang kita bawa ke mari ke negara Malaysia iaitu daripada Benua Australia, New Zealand dan juga dari India.

Amaun dan nisbah subsidi awam bagi setiap kursus tersebut bagi seorang pelajar swasta berbanding dengan seorang pemegang biasiswa pada adalah seperti berikut:

Bidang	Subsidi pelajar swasta \$	Pemegang biasiswa \$	Nisbah
Sastera . .	6,369	9,669	1:1.5
Sains	10,420	13,720	1:1.5
Kejuruteraan	7,552	10,852	1:1.4
Perubatan	22,483	27,483	1:1.2

Setakat ini Kerajaan belum menjalankan analisa kos-faedah atau kekesanan kos terhadap pelajaran tinggi di negara kita.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah anggaran kos yang disebutkan tadi itu berdasarkan

ANGGARAN KOS PELAJARAN TINGGI

10. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah anggaran kos setiap tahun bagi setiap pelajar bagi pelajaran tinggi tempatan dalam bidang sastera, sains kejuruteraan dan perubatan, mengikut data-data yang terbaru yang sedia ada. Apakah amaun dan nisbah subsidi awam bagi setiap kursus tersebut bagi seorang pelajar swasta berbanding dengan seorang pemegang biasiswa; adakah Kerajaan pernah menjalankan satu analisis kos faedah atau kekesanan-kos terhadap pelajaran tinggi di negara kita; sekiranya ya, apakah rumusan-rumusan yang utama.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, anggaran kos bagi pelajar-pelajar kita bagi pengajian tinggi untuk:

Sastera	\$ 7,046.00
Sains	\$11,527.00
Kejuruteraan	\$ 8,354.00
Perubatan	\$24,871.00

kepada perbelanjaan mengurus sahaja ataupun perbelanjaan mengurus bersama-sama dengan perbelanjaan pembangunan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah memandangkan bahawa kos anggaran bagi tiap-tiap kursus itu jauh berbeza adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan yuran-yuran yang

berbeza pada kursus-kursus yang berlainan itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kos itu adalah kemas adalah diasaskan kepada kos mengurus dan kos pembangunan dan pada waktu ini Kerajaan belum ada lagi sebarang cadangan untuk mengenakan yuran-yuran yang berbeza-beza bagi kursus-kursus tersebut.

SRJK (T) JALAN WATSON DAN SEGAMPUT

11. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa beberapa kali perkara keuzuran bangunan sekolah: (a) SRJK (T) Jalan Watson, Pelabuhan Kelang dan SRJK (T) Segambut, Wilayah Persekutuan telah dibangkitkan; jika sedar bolehkah pihak Kementerian memberikan keutamaan bagi pembinaan bangunan sekolah-sekolah ini kerana ia berada dalam senarai R.M.4.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar akan keadaan bangunan kedua-dua buah sekolah ini. Namun begitu, projek pembinaan sekolah-sekolah ini belum dapat diluluskan kerana kedudukan kewangan negara masih belum mengizinkan.

ASEAN/EEC—HUBUNGAN

12. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah hubungan yang telah dijalankan di antara Malaysia/ASEAN dengan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) baik secara persendirian atau kelompok. Berapakah jumlah dagangan yang telah diwujudkan setakat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, hubungan di antara ASEAN dengan negara-negara Persekutuan Eropah adalah baik dan berfaedah bagi kedua-dua belah piak. Jalinan persahabatan di antara kedua kumpulan serantau telah diletakkan di atas asas yang lebih formal dengan termeterinya perjanjian kerjasama di antara ASEAN/EEC pada 7hb Mac 1980 di Kuala Lumpur.

Pertemuan di peringkat Menteri-menteri, Pegawai-pegawai dan juga di kalangan sektor swasta sering diadakan dengan tujuan untuk menumpukan lagi jalinan yang sedia ada. Bidang-bidang umum yang diberi perhatian ialah berkenaan dengan perdagangan, politik dan ekonomi.

Di bidang ekonomi, EEC setakat ini adalah menyokong perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mana ASEAN mempunyai kepentingan seperti yang mengenai timah, getah dan kopi. EEC juga telah menyokong pendirian ASEAN supaya program bersepadu bagi komoditi dapat dilaksanakan dengan mengadakan Tabung Bersama (Common Fund) yang berkesan. Isu-isu ekonomi antarabangsa yang lain seperti rundingan Utara/Selatan, perundingan perdagangan multilateral, masalah perlindungan perdagangan dan sistem keutamaan am (GSP) juga dibincangkan di mesyuarat yang diadakan di antara kedua belah pihak.

Di antara faedah-faedah yang diperolehi oleh Malaysia dan lain-lain negara ASEAN ialah melalui program bantuan EEC kepada negara-negara yang sedang membangun. Bidang-bidang yang berkenaan ialah mengenai galakan eksport dalam bentuk pembiayaan rombongan perdagangan, penyertaan di pameran-pameran perdagangan, kursus-kursus

dan latihan-latihan untuk pegawai-pegawai dan juga pengeksport-pengeksport di negara-negara ASEAN. Bidang-bidang lain termasuklah mengenai pemindahan teknologi, pelaburan, pembangunan sumber tenaga manusia, kerjasama teknik dan program bantuan pembangunan.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan EEC telah meningkat dari \$2,882.4 juta dalam tahun 1973 kepada \$9,103.3 juta pada tahun 1983. Bagaimanapun, peratusan dari jumlah perdagangan dunia Malaysia telah menurun dari 21.7% dalam tahun 1973 kepada 14.3% dalam tahun 1983. Faktor peratusan ini turun ialah bertambahnya eksport bahan petrol Malaysia terutamanya ke negara Jepun sedangkan EEC tidak membeli keluaran tersebut dari Malaysia. Dari segi imbalan perdagangan kelebihan perdagangan adalah menguntungkan Malaysia sebanyak \$462.9 juta dalam tahun 1983 berbanding dengan \$652.9 juta dalam tahun 1978 dan \$347.4 juta dalam tahun 1973. Eksport Malaysia ke EEC bertambah dari \$1,614.9 juta dalam tahun 1973 kepada \$4,783.1 juta dalam tahun 1983. Import pula meningkat dari \$1,267.5 juta dalam tahun 1973 kepada \$4,320.2 juta dalam tahun 1983.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menggambarkan hubungan EEC/ASEAN adalah baik dan berfaedah. Seperti yang kita ketahui, dasar perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh EEC selama ini adakah dapat kita kaitkan dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa mereka telah melonggarkan dasar perlindungan kepada negara-negara ASEAN?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soal berhubung dengan perlindungan

ataupun protectionism memang kerap dibangkitkan dalam rundingan-rundingan yang kita buat dengan pihak EEC dan juga kumpulan ASEAN di tiap-tiap persidangan yang diadakan. Soal ini dibangkitkan kerana walaupun ada keistimewaan yang diberikan oleh pihak EEC kepada setengah daripada barang keluaran negara-negara ASEAN terutama Malaysia tetapi kita merasakan soal protectionism ini masih lagi diamalkan oleh mereka. Sebab itu usaha-usaha lanjut terus dijalankan oleh pihak Malaysia sendiri dan anggota negara-negara ASEAN untuk memberi pertimbangan supaya kadar protectionism itu hendaklah diturunkan ataupun dihapuskan untuk membolehkan kita lebih banyak dapat mengeksport barangan kita ke negara-negara tersebut.

PINJAMAN LUAR NEGERI

13. Tuan Peter Chin Gan Onn: minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan beban hutang luar yang menakutkan yang dihadapi pada ketika ini oleh negara kita dan dalam keadaan ini nyatakan pinjaman-pinjaman luar tidak boleh digunakan dengan berkesan untuk menyumbangkan kepada program-program pembangunan negara kita, apakah strategi Kementeriannya telah gunakan untuk menyelenggarakan satu tumbuhan ekonomi yang sederhana bagi negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun menerangkan secara terperinci strategi-strategi yang akan diambil oleh Kerajaan sewaktu membentangkan Ucapan Belanjawan pada 19hb Oktober baharu-baharu ini maka itu saya tidak berhasrat untuk menambah apa-apa lagi kepada soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tidak hadir)

RASUAH TERHADAP PEGAWAI PENGANGKUTAN JALAN

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar Pertubuhan Pengangkutan Lori Pan-Malaysia telah mengemukakan satu senarai aduan-aduan dan nama-nama pegawai Kerajaan yang menerima rasuah untuk perhatian pihak Kementerian. Jika ya, apakah bentuk penyiasatan yang telah dijalankan dan berapa lamakah penyiasatan itu dijangka selesai dan sama ada keputusan-keputusan penyiasatan itu akan diumumkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmab binti عثمان): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Pertubuhan Pengangkutan Lori Pan-Malaysia tidak mengemukakan satu senarai bertulis aduan dan nama-nama pegawai Kerajaan khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan yang menerima rasuah untuk perhatian Kementerian Pengangkutan. Walaupun demikian, semua perjumpaan di antara ahli-ahli Pertubuhan Pengangkutan Lori Pan/Malaysia dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, saya sendiri dan pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan, pihak pertubuhan tersebut ada memberi tahu secara lisan nama beberapa orang pegawai yang terlibat di Jabatan Pengangkutan Jalan. Memandangkan bahawa tuduhan-tuduhan serupa itu adalah di luar bidangkuasa Kementerian saya, maka perkara itu telah pun dirujukan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah untuk siasatan selanjutnya.

KEBUDAYAAN NASIONAL

16. Tuan Yahya bin Haji Zakaria: minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah positif yang dilaksanakan bagi mewujudkan Kebudayaan Nasional.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang penting terutama yang dijalankan ialah:

- (1) Meningkatkan kesedaran dan kefahaman konsep dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan kepada semua masyarakat dan lapisan.
- (2) Menggalakkan kerjasama di antara agensi Kerajaan yang berkenaan yang bidang tugasnya ada kaitan dengan Kebudayaan dan menyelaraskan dasar-dasar melalui saluran pentadbiran dengan menubuhkan jawatankuasa tertentu di antara jabatan.

Setakat ini Jawatankuasa Bersama telah ditubuhkan dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan. Juga terdapat Jawatankuasa Kemasukan Artis Luar dan lain-lain jawatankuasa dengan berbagai jabatan.

Selain daripada itu bekerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi dan juga pusat-pusat penyelidikan bagi maksud menyebarkan maklumat melalui seminar dan simposium. Ini dilakukan dari masa ke semasa.

Di peringkat antarabangsa kerjasama diwujudkan dengan ASEAN dan UNESCO serta melalui program-program pertukaran kebudayaan dengan negara-negara yang ada

perjanjian kerjasama dengan Malaysia. Usaha-usaha ini akan dipertingkatkan lagi.

Sebenarnya perancangan yang dibuat selama ini sudah cukup dan mantap untuk mencapai matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa melakukan sedikit sebanyak pengubahsuaian dan kemaskini pada peringkat pendekatannya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sangat memuaskan dari segi perancangan persediaan dan sebagainya. Bolehkah di dalam penyediaan dan perancangan itu dapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu membentangkan satu Rang Undang-undang mengenai Dasar Kebudayaan Negara sebagaimana yang telah kita luluskan dalam dasar-dasar Perhutanan Negara dan dasar yang lain-lain?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah ditentukan. Saya kurang pasti sama ada perlu kita mewujudkan satu Rang Undang-undang istimewa untuk dasar seperti ini.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa usaha untuk meningkatkan dan mengembangkan Kebudayaan Kebangsaan ini penting di kalangan pemuda-pemudi dan generasi muda, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang telah kita ambil yang berkesan untuk memastikan bahawa pengajaran dan pengenalan dan kegiatan kebudayaan dan seni Kebudayaan Kebangsaan ini diperkenalkan di sekolah-sekolah dan juga persatuan-persatuan belia?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum dalam Dewan ini dan dalam pengumuman yang telah dibuat dahulu, daripada segi sekolah-sekolah kita telah mengadakan Majlis Penasihat Kebudayaan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran dan Kementerian serta agensi Kerajaan yang lain dan juga orang-orang daripada luar iaitu dari pihak awam.

Di samping itu kita telahpun mendengar pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pelajaran tentang hasrat Kementerian itu untuk menggalakkan ko-kurikulum aktiviti dan di samping itu kita juga mengadakan beberapa ceramah seminar, forum dan bengkel berkaitan dengan kebudayaan dan mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal di negeri-negeri di dalam negara kita ini di samping mengadakan kem budaya, ceramah, seminar dan lain-lain lagi untuk belia-belia kita.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha mewujudkan Kebudayaan Nasional, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu adakah Kerajaan mengadakan rundingan-rundingan dengan persatuan-persatuan dan organisasi-organisasi Cina dan India untuk mendengar cadangan-cadangan mereka untuk mewujudkan Kebudayaan Nasional? Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang membuat demikian; kalau tidak, apa sebab-sebabnya?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tentang pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, setakat yang saya tahu memang ada perundingan dijalankan di antara pihak Kerajaan dengan badan-badan seperti ini, bahkan saya pernah dalam ucapan saya mengatakan kita sedia mengadakan dialog dengan mana-mana badan

untuk bersama-sama berbincang tentang pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan sudah habis. Setiausaha boleh teruskan.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 adalah diberi di bawah ini).

TABUNG HAJI—TAMBANG JEMAAH HAJI

14. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar perbelanjaan pergi buat Haji dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji lebih tinggi daripada perbelanjaan melalui swasta yang hanya mencukupi sebanyak \$4,500.00 sahaja bagi setiap orang; dan
- (b) Tabung haji melarang seseorang Islam yang mampu mengadakan wang belanja ke Mekah sebanyak \$4,500.00 untuk pergi dengan swasta, semata-mata hendak memaksa pergi dengan Tabung Haji, sedangkan orang ini tidak mampu mengadakan lebih daripada \$4,500.00 seperti yang disyaratkan oleh Tabung Haji. Siapakah yang akan menanggung dosa orang ini yang tidak dapat buat Haji oleh sebab kuatkuasa Tabung Haji melarangnya.

Dato Mohamad Khalil bin Yaakob: Adalah tidak benar jika dikatakan

perbelanjaan menunaikan fardu Haji melalui Tabung Haji adalah lebih tinggi dari perbelanjaan melalui swasta.

Saya menyatakan sedemikian kerana Wang Naik Haji bagi Jemaah Haji dari Semenanjung Malaysia sebanyak \$5,000.00 seorang yang ditetapkan oleh Tabung Haji itu adalah suatu "package deal" yang meliputi tambang kapalterbang pergi balik ke Tanah Suci, bayaran Pasport Haji, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Perkhidmatan Muassasah/Syeikh Haji/Dalil, Sewa Rumah/Khemah di Mekah, Arafah dan Mina, makan minum di Arafah dan Mina dan wang kocek untuk perbelanjaan hidup jemaah Haji semasa di Tanah Suci.

Wang kocek yang diberi balik kepada jemaah Haji di Jeddah dalam bentuk wang tunai Riyal Saudi, berjumlah \$835.00 seorang, dan sekiranya ditolak wang itu, maka Wang Naik Haji yang ditetapkan oleh Tabung Haji berjumlah hanya \$4,165.00 seorang berbanding dengan \$4,500.00 seorang bagi Jemaah Haji swasta.

Seperti yang tersedia maklum, Tabung Haji adalah satu Badan yang bertanggungjawab dan sebelum ianya menasihatkan orang Naik Haji, ianya pasti menentukan orang yang pergi ke Tanah suci itu mempunyai cukup bekalan supaya ia tidak akan terlantar atau terkandas di sana.

Dengan yang demikian, siapakah yang menanggung dosa disebabkan Tabung Haji merancang keperluan kewangan jemaah Haji dengan penuh tanggungjawab adalah tidak berbangkit.

Mengenai perbelanjaan Naik Haji Jemaah Haji swasta tahun ini, telah terdapat 2 kumpulan yang mengenakan perbelanjaan tidak kurang dari apa yang ditetapkan oleh

Tabung Haji, iaitu kumpulan Darul Arqam yang mengenakan sebanyak \$5,000.00 seorang dan kumpulan Haji

Ahmad Hassan Sallehuddin telah mengenakan \$6,400.00 sehingga \$7,400.00 seorang.

Dalam hubungan ini juga, perlu diambil perhatian bahawa jumlah perbelanjaan Wang Naik Haji yang dikenakan oleh negara-negara tetangga adalah seperti berikut:

Indonesia	M\$7,000.00 (RP 3,125,00)
Singapura	M\$6,171.00 sehingga M\$7,405.20 (S\$5,500.00 sehingga S\$6,600.00)

Akhirnya, suka saya menerangkan bahawa Tabung Haji menggunakan Penerbangan Catar Haji manakala jemaah haji swasta menggunakan Penerbangan Biasa ke Jeddah dan tambang Penerbangan Catar Haji adalah lebih tinggi kerana bagi pengangkutan pergi balik dari Malaysia ke Jeddah bagi setiap kumpulan Jemaah haji, pesawat terpaksa membuat empat penerbangan iaitu:

Penerbangan pergi membawa Jemaah Haji ke Jeddah	Penuh
Penerbangan balik	Kosong
Penerbangan pergi mengambil Jemaah Haji selepas Wukuf	Kosong
Penerbangan balik membawa Jemaah Haji ke Malaysia	Penuh

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

TRAGEDI DI TAPAK PEMBINAAN JAMBATAN PULAU PINANG

3.33 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan speaker, saya bangun memohon keizinan untuk membawa usul untuk menangguhkan Dewan ini bagi membincangkan satu perkara tetap, kepentingan orang ramai dan usul saya itu berbunyi:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Tetap 18 (1) memberi keizinan kepada saya untuk menangguhkan Dewan ini bagi membincangkan perkara tertentu untuk kepentingan orang ramai iaitu tragedi yang telah meragut 5 nyawa dan mencederakan 4 orang lain di tapak pembinaan Jambatan Pulau Pinang pada 20hb Oktober tahun ini.

Bahawa tragedi ini ialah sambungan perlakuan tragedi-tragedi yang menyebabkan kematian 9 orang dalam kemalangan yang berlainan semasa bekerja di tapak pembinaan dan di antaranya 2 dari kemalangan ini, berlaku dalam masa 2 bulan yang lalu, dan oleh itu keyakinan orang ramai telah bergoncang terhadap projek yang berjuta-juta ringgit ini.

Bahawa tragedi ini telah membawakan tumpuan yang tajam terhadap keselamatan yang tidak mencukupi diamalkan di tapak pembinaan.

Bahawa Dewan ini harus mengambil perhatian bahawa Hyundai Engineering and Construction Company dari Korea Selatan telah diberi kontrak untuk membina jambatan tersebut sungguhpun tender mereka bukanlah yang rendah sekali. Hyundai pula menyuarakan secara terbuka akan niatnya untuk

menyiapkan projek tersebut lebih awal dari tarikh sasarannya iaitu Julai 1986, dan oleh itu ciri-ciri keselamatan telah diabaikan.

Bahawa Dewan ini harus memberi perhatian yang penting terhadap nyawa-nyawa yang hilang dan berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang wajar dan mencukupi.

Bahawa negara ini tidak mampu mengulangi dalam soal Jambatan Pinang diulang seperti apa yang berlaku dalam kes Pelabuhan Kuantan dan keadaan lebu-lebuh raya yang teruk di seluruh negara.

Bahawa memandangkan akan akibat yang besar boleh terjadi kepada kepentingan negara jika jambatan tersebut runtuh semasa digunakan oleh orang ramai apabila siap nanti, hanya pertimbangan oleh Dewan ini ialah yang boleh mengelakkan ketidak sunyian, kecemasan dan kebimbangan orang ramai.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberitahu iaitu pagi tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah menerima satu pemberitahu usul tergepar di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2) dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Teka usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang telah dibacakannya kepada Dewan sebentar tadi.

Saya telah membaca dan meneliti usul yang tersebut dan saya dapati bahawa perkara yang dibangkitkan itu terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kerjaraya. Saya mendapat tahu bahawa pihak Kementerian Kerjaraya telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa dan sedang membuat siasatan yang

dikehendaki untuk memastikan bagaimana perkara itu berlaku dan juga hendak menentukan sama ada kelalaian telah berlaku dan akan mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya. Pihak Kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah supaya perkara seumpama itu tidak berlaku lagi pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, Ah'i-ahli Yang Berhormat, saya memutuskan bahawa perkara ini tidak perlu lagi disegerakan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan seterusnya saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (29hb Oktober 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang

sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524.924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985. dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1985, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (29hb Oktober 1984).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang, sila teruskan ucapan.

3.39 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perubahan kepada beberapa bayaran di bawah Ordinan LaluLintas 1958, diharapkan pihak Kerajaan menimbangkan semula kenaikan ini kerana tindakan pihak Kerajaan terhadap sektor ini adalah sangat membebankan rakyat jelata yang berpendapatan rendah di bandar dan di luar bandar. Seperti kegunaan motosikal ianya bukan digunakan sebagai kenderaan untuk menunjukkan kemewahan (Luxury) bahkan ia digunakan oleh masyarakat yang berpendapatan rendah di bandar dan di luar bandar terutama di kampung-kampung dan estet-estet sebagai satu kenderaan bagi keperluan harian untuk pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya sekali lagi memohon pihak Kerajaan supaya mengkaji semula kenaikan bayaran-bayaran di bawah Ordinan Lalulintas 1985.

Tuan yang di-Pertua, ingin saya merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan kerana siaran RTM dan TV3 sempena perayaan Deepavali yang amat memuaskan. Saya memohon supaya siaran-siaran seperti ini dipelihara pada masa-masa akan datang untuk setiap perayaan di negara kita.

Ingin juga saya merakamkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Penerangan Malaysia kepada sumbangan dan peranan mereka kepada kerajaan dan masyarakat. Jabatan ini berperanan semenjak darurat semasa Mei 1969 dan sehingga kini menjadi sebagai sebuah jabatan untuk kegunaan rakyat dan pihak Kerajaan iaitu, to create a better understanding between the Government and the people, untuk menghubungi antara satu sama lain. Saya memohon pihak Kerajaan supaya memperbaiki taraf dan kedudukan jabatan ini supaya ianya dimajukan selaras dengan kemajuan negara supaya ia dapat berfungsi dengan lebih giat dan luas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Betong.

3.42 ptg.

Datuk Alfred Jabu Anak Numpang (Betong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober 1984. Saya ingin turut bersama dengan Ahli-ahli Barisan Nasional mengalu-alukan langkah-langkah dan strategi-strategi yang diambil oleh Kerajaan Barisan

Nasional untuk meninggikan produktiviti dan merancang lebih banyak lagi strategi-strategi untuk menambah lagi hasil seperti yang disebutkan dalam isi kandungan ucapan Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya pada kali ini perlu saya tumpukan mengenai beberapa aspek pembangunan di Sarawak di mana terdapat pada waktu sekarang agak berkurangan jika dibandingkan dengan keadaan di Semenanjung Malaysia. tajuk-tajuk penting yang saya akan kemukakan pada pihak Kerajaan untuk diambil perhatian dan tindakan oleh Kementerian berkaitan adalah dalam bidang pelajaran, kesihatan, perhubungan, pertanian dan tidak kurang pentingnya dalam perkara berkaitan dengan Jabatan Pendaftaran Negara, MARA, Bank Pertanian dan Kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya di Sarawak sekarang terdapat terutama sekali di luar bandar masih banyak sekolah-sekolah rendah memerlukan kemudahan-kemudahan seperti bilik darjah dan rumah-rumah guru. Kadang kala bilik darjah ditumpangkan dalam ruangan rumah-rumah sementara (temporary buildings) dan juga guru-guru terpaksa berkongsi menumpang di situ rumah sementara yang bukan sahaja padat (crowded) tetapi kekurangan kemudahan seperti alat-alat perabot, almari dan sebagainya. Keadaan bertambah rumit apabila seorang daripada guru-guru ini berkahwin dan terpaksa berkongsi diam di dalam rumah sementara ini. Saya berharap pihak Kementerian Pelajaran dapat menyelesaikan perkara-perkara ini supaya para-para guru yang terlibat tidak akan merasa keciwa dan terganggu dalam tugas mereka untuk mengajar dan dapat terus memberi sumbangan mereka untuk mengajar dengan penuh semangat pada murid-murid di sekolah itu.

Tuan yang di-Pertua, di Sarawak pada masa sekarang terdapat juga kekurangan guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Malaysia. Yang merumitkan iaitu daripada guru-guru ini, tidak kesemuanya sanggup bertugas di luar bandar disebabkan kemudahan atau keadaan di luar bandar, di tepi laut dan di hulu sungai kurang memuaskan. Ini tentulah sudah mengakibatkan murid-murid di sekolah rendah di luar bandar kurang berpeluang untuk menikmati didikan dalam Bahasa Malaysia dan apabila murid-murid tersebut menghadapi peperiksaan SRP atau MCE, SPM, STPM, murid-murid yang berasal dari luar bandar ini akan mengalami segala disadvantages of not having full exposure to good Bahasa Malaysia teachers. Dari segi taraf kebolehan dan kejayaan peperiksaan tentulah murid-murid dari luar bandar tidak akan semua muncul dengan penuh kecemerlangannya. Untuk mengelakkan keadaan yang tidak seimbang ini, di sini saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran untuk disyorkan supaya guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Malaysia tidak kira sama ada mereka ini datang dari Semenanjung ataupun negeri Sabah ataupun negeri Sarawak supaya guru-guru yang terlatih ini ditugaskan dengan segera ke luar bandar di Sarawak.

Saya ingin juga mengutarakan satu lagi aspek dalam bidang pelajaran tentang pendekatan (approach) Kementerian Pelajaran melatih guru-guru. Di Sarawak kesemuanya Maktab Perguruan ditempatkan di bandar dan latihan kepada bakal-bakal guru tentu mengikut suasana town environment sahaja melainkan satu dua minggu teaching practise di luar bandar. Pada pendapat saya Kementerian Pelajaran perlu digesa supaya diubah approach, pendekatan ini bagi menempatkan Maktab-maktab Perguruan. Saya berpendapat bahawa lebih elok dan lebih berkesan

lagi sekiranya Maktab Perguruan ditempatkan di luar bandar di daerah-daerah yang terpencil.

Saya menyebut ini berlandaskan pada sebab-sebab yang berikut:

Memandangkan sebahagian majoriti guru-guru yang dilatih di Maktab Perguruan ini akan ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah di luar bandar, maka untuk menjamin bakal-bakal guru ini tahan berkhidmat mengajar di luar bandar, sepatutnya guru-guru ini dilatih di Maktab Perguruan yang ditempatkan di luar bandar. Dengan cara ini bakal-bakal pelatih guru-guru akan mengajar tulin dalam suasana yang mereka akan hadapi apabila mereka bertugas mengajar di luar bandar kemudian hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi untuk mengurangkan golongan pelatih-pelatih yang tidak sesuai, to weed out the unsuitable candidates semasa berlatih dengan secara menempatkan Maktab Perguruan di luar bandar tentulah berkesan kepada semua. Penekanan secara ini tentu dapat memastikan supaya hanya guru-guru yang berminat bertugas di luar bandar iaitu guru-guru yang berdidikasi bertugas di hulu sungai, di tempat yang masih mengalami kekurangan kemudahan akan dilatih. Penekanan ini akan membolehkan lebih ramai para-para guru akan lengkap dan bersedia menempuh segala cabaran mengajar di luar bandar. Marilah kita semua, bukan sahaja Sarawak, mara ke hadapan menggembelingkan tenaga untuk mengatasi masalah-masalah di luar bandar. Dengan izin, let us all put our efforts together by making common approach to site Teachers Training College in basically rural areas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bumiputra yang berasal dari kawasan terpencil, dari rumah panjang di Sarawak, saya mempunyai

pengalaman yang pahit dirasai di waktu belajar di bangku sekolah. masalah yang kadang-kala dan banyak kali tidak terlintas dalam fikiran rakyat yang berasal dari bandar.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Pelajaran mengumumkan bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Yang Berhormat dari mula tadi saya dapat dengar Yang Berhormat menghuraikan hal-hal di bawah bidang kuasa dan bidang tanggungjawab Kementerian Pelajaran sahaja. Saya ingin memohon sekiranya Yang Berhormat tidaklah banyak menghuraikan dari segi dasar-dasar Belanjawan kali ini. boleh atau tidak Yang Berhormat tunggu sehingga kita kenukakan perbincangan diperingkot Jawatankuasa. Sila teruskan Yang terhormat.

Datuk Alfred Jabu anak Numpang: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya untuk memberi penjelasan ini supaya dapat satu approach yang akan menyokong semua dasar yang tercatat dalam ucapan Belanjawan sebagai satu strategi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Alfred Jabu anak Numpang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Kementerian Pelajaran mengumumkan bahawa satu maktab perguruan akan dibina di Sarawak dan berharap apa yang sudah saya sebutkan di sini akan diambil perhatian apabila menempatkan satu maktab perguruan ini di Sarawak nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh perkara Kesihatan. Kesihatan ialah satu lagi perkara pada masa ini di negeri Sarawak masih jauh daripada memuaskan. Di Semenanjung

Malaysia bukan sahaja kesemua daerah dilengkapi dengan satu hospital tetapi nisbah (ratio) dihitung dari segi jumlah penduduk pada tiap-tiap seorang doktor (number of persons per doctor) memang agak besar jurang perbezaan jika dibanding dengan di Sarawak.

Sebagai misalnya dalam kawasan pilihanraya yang saya wakili iaitu P. 140 di Betong Sarawak yang luasnya 1,865 kilometer persegi di mana penduduknya lebih 40,000 orang manusia terdapat langsung tidak ada doktor sama sekali. Pegawai Perubatan yang ditugaskan di daerah ini hanya bertaraf Senior Hospital Assistant sahaja yang lagi menganihkan suasana terdapat satu lagi daerah berjiran iaitu daerah Lubuk Antu penduduknya berjumlah 35,000 orang tidak mempunyai seorang doktor sama sekali.

Suatu perkara yang merumitkan itu sebahagian daripada kawasan di daerah ini dalam keadaan declared poverty area mengikut tafsiran World Health Organization. Dari segi pelajaran terdapat di daerah ini sebahagian besar daripada penduduk masih betul-betul buta huruf.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berpeluang berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam tiga tahun bertubi-tubi untuk ditempatkan sebuah hospital daerah di tempat yang terpencil ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu perhubungan. Perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu perhubungan dari aspek yang pernah saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini dalam masa persidangan Dewan dalam dua tahun yang sudah.

Keadaan di Sarawak jika ditinjau dari segi infrastruktur perhubungan boleh dikatakan masih

membimbangkan sama sekali. Maksud saya menimbulkan perkara perhubungan, Tuan Yang di-Pertua, semata-mata hendak mencari pendekatan (approach) daripada Kerajaan Pusat untuk memahami keadaan setempat di Sarawak dengan secara sebenar (actual situation). Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak perkampungan yang belum lagi dapat dihubungi dengan jalanraya ataupun cycle track. Dalam keadaan yang tidak ada bandingan dengan keadaan di Semenanjung Malaysia seperti disebutkan di sini maka sebarang laungan dari rakyat di Sarawak perlu diberi perhatian.

Saya percaya satu langkah yang perlu dipupuk dan diberi penuh galakan supaya integrasi nasional dapat cepat terwujud iaitu menerusi perhubungan komunikasi dua hala antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Kita memerlukan lebih ramai lagi rakyat berpeluang untuk pergi berkunjung sama ada dengan urusan perniagaan, sosial dan menjalankan tugas-tugas rasmi dan sebagainya. Hasil daripada pemergian ini akan terjalin banyak pertukaran ideas, buah fikiran dua hala dan semangat faham memahami, masalah-masalah di keseluruhan tanah air kita, tanah air yang kita cintai.

Pada masa sekarang the gateway to Sarawak and Sabah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah menerusi perjalanan kapal terbang MAS. Setakat ini sama ada kerana tidak ada competition daripada lain airline ataupun atas sebab-sebab yang tertentu tambang kapal terbang masih dianggap terlampau mahal. Di dapati juga satu punca keuntungan MAS berhasil daripada domestic flight di Sabah dan Sarawak dan banyak kali penerbangan-penerbangan Mas itu penuh sekali dan ramai penumpang terpaksa menunggu dan sebahagian daripada mereka langsung tidak dapat tempat dalam kapal terbang dan

terpaksa membatalkan perjalanan mereka. Rayuan saya sebagai satu langkah untuk memudahkan tali silaturahmi dan untuk memupuk proses integrasi antara rakyat di Semenanjung Malaysia dan rakyat di Sarawak dan Sabah supaya dapat dipertimbangkan dari pihak MAS untuk menambah banyak lagi penerbangan dan untuk mengurangkan tambang.

Di samping ini juga, supaya membolehkan ramai lagi rakyat dari Semenanjung Malaysia melawat Sarawak dan Sabah dan juga demi untuk memberi galakan kepada ramai lagi rakyat di Sarawak dan Sabah melawat ke Semenanjung Malaysia di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan dapat mengkaji satu skim iaitu MAS flight incentive scheme, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Cadangan saya ini supaya diadakan suatu skim di mana MAS memberi discount rate untuk seseorang rakyat Malaysia yang baru sahaja terbang dengan kapal terbang MAS—first time traveller in MAS, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Discount rate ini terserahlah kepada Kerajaan untuk menetapkannya. Saya percaya dengan sistem berkomputer MAS dapat memastikan sama ada penumpang-penumpang itu first time traveller ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa dengan cadangan sistem ini tentulah akan memberi lebih lagi peluang kepada rakyat kita bersama-sama menerusi cara pemergian dan diberi suatu incentive oleh National Carrier MAS supaya dapat mempercepatkan proses integrasi nasional yang perlu kita pupuk dari masa ke semasa.

Pertanian

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak mengalu-alukan pendckatan menerusi Integrated Agriculture

Development Approach ataupun Rancangan Pertanian Bersepadu. Harapan kami rakyat Malaysia di Sarawak di mana terdapat masih ramai penduduknya yang masih diam berkcciciran di luar bandar supaya diadakan banyak lagi Rancangan Pertanian Bersepadu ini di seluruh Negeri oleh kerana Rancangan ini akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada petani-petani.

Di samping ini juga, kami mengalu-alukan Badan-Badan Berkanun (Statutory Bodies) seperti FELDA dan FELCRA dan sebagainya untuk cepat memperluaskan aktiviti-aktiviti mereka kepada Sarawak untuk memberi pembangunan menyeluruh serta meaningfull result, juga meninggikan hasil pengeluaran (produktiviti) pertanian dari negeri Sarawak khasnya dan Negara kita Malaysia pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Bank Pertanian. Dalam suatu negeri yang begitu luas seperti di Sarawak di mana terdapat lebih 65% penduduknya memerlukan pertanian untuk menampung cara penghidupan mereka, hanya terdapat 2 buah Bank Pertanian di Kuching dan di Sarikei. Bilangan ini saya percaya belum lagi mencukupi bukan sahaja daripada regional coverage, tetapi belum mencukupi dari segi effective ground coverage, dengan izin. Saya sebutkan ini oleh kerana saya percaya pihak berkenaan perlu digesa untuk melawat ke Sarawak berkali-kali supaya memahami masalah-masalah keperluan pctani-petani ini menjalankan aktiviti-aktiviti yang berlainan disebabkan perbezaan jenis-jenis tanaman yang bersesuaian dari tempat ke setempat. Sebagai seorang ahli pertanian dan penuh minat untuk mempertingkatkan hasil mata pencarian petani-petani kita, saya kemukakan permohonan ini kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya

dapat dipertimbangkan penambahan cawangan Bank Pertanian di Sarawak dengan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak juga terdapat banyak kawasan-kawasan yang sesuai untuk memternak jenis-jenis ikan dan udang air tawar dan air laut. Di sini saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian juga supaya diperuntukkan kepada Sarawak lebih banyak wang untuk membeli jentera-jentera korek seperti draglines, backhose, bulldozers, excavators yang diperlukan untuk digunakan membuat kolam atau projek aquaculture secara besar-besaran. Hasil daripada penternakan jenis-jenis ikan dan udang ini bukan sahaja akan meninggikan punca mata pencarian petani-petani, penternak-penternak bahkan akan menambahkan kesempurnaan mutu makanan (high protein and improved quality of fresh food).

Dari segi pemasaran dan pengeluaran pertanian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyeru kepada pihak Kementerian berkenaan supaya dipergiatkan lagi aktiviti-aktiviti seperti FAMA keluar negeri.

Di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita menerima berita-berita berkaitan dengan available research findings, hampir terlalu lambat, kemungkinan disebabkan masalah komunikasi. Yang saya maksudkan, memohon kerjasama dari pihak Kementerian-kementerian menghantar segala Laporan Applied Research findings dengan secepat mungkin. Ini saya sebutkan kerana rakyat di Sarawak kurang minat untuk membantu ataupun menggunakan hasil penyelidikan saintis-saintis kita. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we want to tell our Malaysian brothers and sisters in Sarawak about the success stories of our research

scientists. We are proud to tell the world too about the success of our national scientists.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak MARDI antara lain sudah berjaya mengeluarkan suatu jenis ragi (yeast) untuk membuat tapai yang bermutu, tapai dibuat daripada ragi ini manis sekali, saya diberitahu dan pernah makan tapai itu di Kuala Lumpur. Rakyat di Sarawak berharap supaya jenis ragi ini dapat dijual di pasaran tempatan supaya tukang-tukang yang membuat kuih-kuih tempatan untuk hairan dapat membuat tapai manis menjadi suatu jenis bahan jualan di kedai mereka dan akan meninggikan mutu jualan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh berkenaan dengan MARA. Sungutan daripada rakyat yang berbilang kaum di Sarawak iaitu mereka belum puashati ke atas effective coverage atas perkhidmatan MARA. Kemungkinan setakat ini pejabat MARA di Sarawak hanya mempunyai pejabat di 9 daerah sahaja. Ini bermakna 16 lagi daerah langsung tidak ada pejabat MARA. Memandangkan begitu luasnya kawasan Sarawak dan kerumitan kemudahan perhubungan maka rakyat di Sarawak berpendapat perkhidmatan daripada 9 cawangan MARA setakat ini belum lagi memberi penuh kesan dan kegiatan MARA perlu diperluaskan dengan secepat mungkin supaya sekurang-kurangnya diadakan pejabat MARA di setiap daerah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak dibuat sedemikian rakyat di Sarawak akan lebih lagi jadi ketinggalan disebabkan perkhidmatan MARA tidak bergerak dengan sepenuhnya.

Di sini saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat

Menteri dan Pengerusi MARA selalu datang ke Sarawak, melawat dan meneliti semula ke kawasan pedalaman dan luar bandar termasuk lawatan ke daerah-daerah terpencil. Tujuan lawatan ini mesti dibuat dengan secara constructive dengan penuh tujuan semata-mata untuk mencari jalan membuat dan memperbaiki usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai suatu perimbangan kepada rakyat di Sarawak supaya tidak ketinggalan jika dibanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia atas faedah (benefit) yang disalurkan menerusi perkhidmatan MARA.

Berkenaan dengan perkara seperti Institusi Pengajian Tinggi MARA, Kampus ITM dan IKM, perlu saya sebutkan di sini rakyat di Sarawak memohon kepada Kementerian berkenaan supaya dipercepatkan pembinaan Kampus ITM untuk digunakan oleh begitu ramai pelajar-pelajar yang masa kini terpaksa menumpang di satu kawasan yang begitu terhad bukan sahaja dari segi kemudahan mengajar, tetapi dari segi kemudahan untuk pelajar-pelajar.

Berkenaan dengan IKM (Institut Kemahiran MARA) di Semariang, Petra Jaya, Kuching yang baharu sahaja mengambil 'intake' yang pertama pada tahun ini saya menyeru kepada pihak berkenaan supaya Bahagian Latihan dapat mengambil lebih ramai lagi pelatih-pelatih dalam 'intake' yang akan datang. Saya sebutkan di sini dengan suatu tujuan supaya lebih ramai lagi rakyat Sarawak dapat bersama-sama dengan rakyat di Semenanjung Malaysia mengembelikan tenaga mahir untuk membangunkan negara kita Malaysia menerusi perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada betapa perlu rakyat kita menghormati dan

menghargai kekayaan warisan, kebudayaan dan seni rakyat kita yang berbilang kaum, saya sebagai salah seorang yang berminat menghidupkan belbagai seni dan kebudayaan kita yang setakat ini hampir pupus ditelan zaman, akan mengambil peluang sempena perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 ini dengan menyentuh perkara kraftangan.

Di Sarawak terdapat berbilang kaum yang berkebolehan dalam bidang seni, seperti pertukangan tangan, anyaman, tenunan, ukiran dan sebagainya. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendesak Kerajaan supaya diperluaskan kemudahan menggalakkan pengeluaran kraftangan dan industri kampung, jentera pemasaran dan pengawalan mutu (quality control). Ini bukan sahaja dapat menunjukkan kemahiran, akan tetapi bagi amnya akan menjadi suatu mata pencarian rakyat yang berminat dan berkebolehan dalam kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya percaya segala yang dibangkitkan oleh saya dan Ahi-ahli Barisan Nasional dari Sarawak di dalam Dewan yang mulia ini adalah kesemuanya hasrat rakyat Malaysia di Sarawak yang ingin melihat kewujudan integrasi nasional menerusi unsur-unsur termasuk berbagai pembangunan dari Kerajaan Negeri, Kerajaan Barisan Nasional kita. Kesemua seruan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan apa-apa gesaan perlu diambil perhatian oleh Kerajaan kita demi untuk menjamin imej Kerajaan kita.

Saya ingin mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan pada Kerajaan Pusat kerana sudahpun meluluskan permohonan-permohonan dari Kerajaan Negeri, antara lain permohonan yang diluluskan iaitu untuk menambahkan bilangan kakitangan dalam Jabatan

Pendaftaran Negara. Dengan adanya persetujuan seperti ini maka bertambah ramai lagi pegawai-pegawai Jabatan tersebut untuk bertugas di luar bandar di mana terdapat masih belum lagi effective coverage iaitu perkhidmatan yang masih belum lagi memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara, aspek-aspek dan cadangan sudahpun saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap agar semua Kementerian yang berkaitan akan terus dapat memberi pertimbangan ataupun penelitian yang mendalam dengan seberapa yang boleh dalam lingkungan peruntukan Belanjawan 1985, maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tawau.

4.10 ptg.

Tuan Kan Yau Fa (Tawau): Tuan Yang di-pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Negara bagi tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober yang lalu. Terlebih dahulu suka saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membentuk satu Belanjawan yang memberi peluang kepada setiap golongan masyarakat dalam negara kita untuk bersama-sama menikmati faedah-faedah hasil dari Belanjawan itu tanpa menimbulkan sebarang beban tambahan kepada mereka.

Tuan yang di-Pertua, rakyat Sabah khususnya adalah menyokong Belanjawan ini. Sebagai sebuah negeri dalam Malaysia, Sabah telah berjaya mencapai kemajuan dan

perkembangan yang pesat dalam semua lapangan dengan adanya dorongan dan bantuan dari Kerajaan Pusat. Sekarang ini rakyat Sabah berpeluang menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan menaruh kepercayaan bahawa Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri akan dapat memperkukuhkan semula ekonomi negara kita semasa kemelesetan ekonomi dunia ini dan seterusnya mencapai kemakmuran yang lebih tinggi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam pada itu terdapat beberapa masalah yang mana bantuan dari Kerajaan yang lanjut diperlukan dengan segera. Masalah mengenai keadaan keselamatan di Negeri Sabah telah disebutkan dengan lanjutnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu pada 29 haribulan yang lalu dan saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh beliau. Bersamaan dengan beliau, saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil tindakan dengan cepat untuk mengatasi masalah-masalah yang dirujuk.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Di Raja Malaysia di Sabah telah dan sedang mengambil segala tindakan setakat keupayaan mereka untuk tujuan tersebut, tetapi adalah nyata bahawa mereka menghadapi segala kekurangan seperti daripada segi kakitangan, kelengkapan dan juga keadaan perhubungan di darat, laut dan udara yang kurang memuaskan.

Oleh itu, selain daripada cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu, saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menubuhkan satu unit khas untuk membantu Polis Sabah mengawasi keadaan yang teruk itu. Unit itu hendaklah bertempat di Tawau oleh kerana kedudukannya yang strategik dan dilengkapi dengan kakitangan yang cukup

bersenjata dan juga dengan bot-bot ronda kenderaan dan khususnya sebuah helikopter yang membolehkan pihak Polis Sabah bergerak dan bertindak dengan pantas dan dengan itu boleh tiba di tempat-tempat kejadian jenayah dengan seberapa segera supaya tindakan sewajarnya boleh diambil dengan serta-merta terhadap orang-orang yang terlibat dalam kejadian tersebut sebelum mereka dapat melarikan diri.

Sekiranya cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kinabalu dan saya dapat diterima dan diimplementasikan, saya pasti bahawa kepercayaan rakyat Sabah terhadap Pasukan Keselamatan kita akan bertambah dan keadaan akan dapat dikawal. Ini adalah satu masalah besar di Negeri Sabah yang memerlukan tindakan yang segera dan saya berharap tindakan itu akan diambil sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perhubungan di Negeri Sabah pula, kami sangat-sangat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat atas bantuan yang telah diberi bagi menyiapkan lapanganterbang-lapanganterbang di Kota Kinabalu dan Sandakan, disebaliknya pula kemudahan-kemudahan yang terdapat di Lapanganterbang Tawau telah menjadi kurang memuaskan akibat daripada kemajuan yang pesat yang berlaku di bandar ini yang mana mengeluarkan sebahagian besar daripada barang-barang untuk eksport dari Sabah.

Dengan wujudnya kemajuan yang pesat itu, Tawau akan memerlukan perkhidmatan kapalterbang-kapalterbang yang lebih besar daripada kapalterbang-kapalterbang jenis Boeing 737, iaitu kapalterbang yang paling besar yang dapat mendarat di Tawau pada ketika ini. Oleh itu, saya berharap Kerajaan pusat akan bertindak untuk

membesarkan lapanganterbang yang sedia ada dengan meningkatkan kemudahan-kemudahan di terminal ataupun membina sebuah lapanganterbang yang baru di tempat lain yang sesuai. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, jalan besar di antara Tawau dengan Murtai harus dibubuh tar dengan secepat mungkin oleh kerana jalan ini yang mana memberi perkhidmatan kepada satu kawasan pendalaman yang luas sentiasa di dalam keadaan yang teruk.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga lagi tempat-tempat yang lain di kawasan luar bandar di Tawau dan di lain-lain tempat di Negeri Sabah juga yang memerlukan pembinaan jalan ataupun jalan-jalan yang sedia ada perlu dibaiki bagi memastikan penduduk-penduduk luar bandar yang mana kebanyakannya terdiri dari petani-petani dapat meneruskan usaha-usaha mereka dengan sempurna dan jayanya dan ini akan juga dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan saya berharap Kerajaan Pusat akan menyediakan peruntukan bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal pendaftaran di Negeri Sabah adalah menjadi salah satu punca banyak masalah. Mengenai pengeluaran Kad-kad Pengenal, pemohon-pemohon berasa keciwa atas kelewatan yang berlaku walaupun segala dokumen dan maklumat yang diperlukan telah diberi dengan tepat. Ada berlaku kes-kes di mana pemohon terpaksa menunggu sehingga beberapa tahun dan ada juga berlaku kes-kes di mana pemohon-pemohon yang warganegara Malaysia diberi Kad-kad Pengenal untuk bukan warganegara. Kesulitan dan masalah-masalah yang sama juga dihadapi oleh orang-orang yang memohon untuk Sijil-sijil Beranak Pendaftaran Lewat dan Permohonan Kewarganegaraan. Sebahagian besar daripada pemohon-pemohon kewarganegaraan tidak menerima

apa-apa berita lanjut selepas mereka membuat permohonan dan sebarang pertanyaan yang dikemukakan juga tidak berhasil. Sumber-sumber dari pihak Jabatan Pendaftaran Negara ada menyatakan bahawa kelewatan yang berlaku ini adalah disebabkan oleh, pertama, pemohon-pemohon tidak mengemukakan maklumat-maklumat yang tepat ataupun pemohon-pemohon tidak menjawab pertanyaan-pertanyaan dari Jabatan tersebut. Walau bagaimanapun, adalah menjadi kenyataan bahawa kebanyakan dari kes-kes yang terlibat langsung tidak menerima sebarang akaun apabila sesuatu pertanyaan dibuat mengenai permohonan. Kejadian-kejadian seumpama ini membawa kesan-kesan yang tidak menyenangkan terhadap orang-orang yang terlibat dan langkah-langkah segera perlu diambil untuk memperbaiki keadaan dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya.

■ Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mencadangkan supaya satu unit khas ditubuhkan semata-mata untuk mengkaji dan mencari penyelesaian untuk masalah-masalah yang dihadapi di Sabah. Ini akan memastikan permohonan-permohonan untuk Kad Pengenalan, sijil Beranak, Kewarganegaraan dan lain-lain urusan Jabatan Pendaftaran akan berjalan dengan lebih lancar dan akan diproses dengan lebih cepat di samping tidak menimbulkan kesusahan dan Kesulitan kepada orang-orang yang berkenaan.

Baru-baru ini ada terdapat kes-kes di mana orang-orang didapati bersalah kerana memiliki kad pengenalan palsu dan ada kemungkinan wujud juga kepalsuan dalam dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan oleh Jabatan tersebut. Unit khas yang saya cadangkan itu mungkin boleh juga diberi tanggungjawab menyiasat dan menghapuskan kepalsuan-kepalsuan itu sekiranya ada.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh guru-guru UTS atau dengan izin, Unified Teaching Scheme di Sabah telah ditimbulkan berkali-kali di Dewan yang mulia ini dan kali terakhir ianya dibangkitkan ialah pada 24hb yang lalu oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

Beberapa perjumpaan antara wakil-wakil guru-guru ini dengan bekas Menteri-menteri Pelajaran telah diadakan dan difahamkan bahawa satu perjumpaan susulan telah pun dijadualkan dengan Menteri Pelajaran yang baru. Pihak Kerajaan Negeri Sabah telah pun mengemukakan beberapa surat dan memoranda berhubung dengan perkara ini kepada Kementerian Pelajaran tetapi malangnya semua tindakan itu tidak berjaya membawa sebarang penyelesaian kepada masalah-masalah tersebut. Oleh yang demikian kesengsaraan guru-guru tersebut masih berterusan.

Adalah juga difahamkan bahawa bilangan guru-guru yang terlibat dalam hal ini adalah sangat kecil dan didapati bahawa kesemua dari mereka telah pun berkhidmat dengan begitu lama. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak mereka semua saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya memberi pertimbangan beliau yang sewajarnya dalam perkara ini dan menawarkan kepada guru-guru yang terlibat itu satu penyelesaian yang adil dan saksama supaya masalah yang mereka hadapi itu tidak berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perkhidmatan kesihatan dan perubatan di negeri Sabah juga terdapat beberapa kepincangan dan kelemahan. Dari satu kajian atas perkhidmatan perubatan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri

Sabah telah terdapat kelemahan ataupun kekurangan seperti berikut:

Pertama, kekurangan doktor dan pakar perubatan.

Kedua, tidak ada pathologist, radiologist, anaesthetist, ENT surgeon, public health engineer dan dermatologist.

Ketiga, keadaan di bangunan-bangunan hospital, klinik dan dispensari makin bertambah buruk.

Keempat, perkhidmatan pergigian, kesihatan ibu dan kanak-kanak adalah lemah.

Kelima, kekurangan jururawat.

Keenam, kekurangan bekalan ubat dan alat-alat perubatan.

Ketujuh, peruntukan wang yang terhad.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang merunsingkan penduduk-penduduk di negeri Sabah sekarang ialah kekurangan doktor, pakar perubatan, jururawat dan dan lain-lain kakitangan yang diperlukan.

Misalnya pada masa ini terdapat di Sabah hanya 65 doktor Kerajaan dengan penduduk negeri Sabah lebih daripada 1 juta iaitu 1,130,542 orang. Ini bermakna bahawa di negeri Sabah seorang doktor Kerajaan terpaksa memberi khidmat kepada 17,392 orang berbanding dengan seorang doktor Kerajaan untuk 2,226 orang di Wilayah Persekutuan dan seorang doktor Kerajaan untuk 5,000 orang di negeri Selangor. Perbandingan yang paling dekat ialah di negeri Kelantan di mana seramai 983,000 orang mendapat perkhidmatan dari seramai 66 orang doktor Kerajaan ataupun seorang doktor Kerajaan untuk seramai 15,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada perangkaan di atas nyata sekali bahawa Sabah adalah jauh kekurangan doktor Kerajaan jika

dibandingkan dengan bilangan penduduk. Kalaulah keadaan seperti ini dibiarkan berlarutan pasti kesihatan penduduk-penduduk di negeri Sabah akan terjejas. Jadi, bagaimanalah hasrat Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup dan mewujudkan masyarakat yang sihat dan produktif dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya bilangan doktor Kerajaan di Sabah ditambah dan jawatan yang masih kosong diisikan dengan segera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bilangan jawatan doktor yang masih kosong ialah 24 manakala jawatan pakar perubatan yang belum diisikan ialah 8. Adalah difahamkan kekosongan jawatan-jawatan tersebut telah kosong semenjak tahun 1979 dan semenjak tahun itu tambahan bilangan doktor dan pakar perubatan adalah terhad sekali manakala keperluan daripada penduduk makin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kekurangan doktor dan pakar perubatan bilangan juga kurang bagi kakitangan kesihatan dan perubatan dalam kategori lain seperti jururawat, pembantu perubatan, anaesthetist dan lain-lain. Oleh sebab kekurangan kakitangan seperti yang tersebut di atas maka tugas-tugas doktor dan pakar perubatan makin bertambah rumit dan membebankan.

Sebagai contoh sebanyak 560 jawatan jururawat telah diwujudkan tetapi hanya 447 sahaja yang telah diisikan dan 113 masih lagi kosong. Sebanyak 242 jawatan pembantu perubatan telah diwujudkan tetapi 24 masih lagi kosong. Oleh sebab kekurangan kakitangan bawahan maka mutu perkhidmatan doktor dan pakar perubatan sentiasa didapati kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, doktor dan pakar perubatan ini adalah juga manusia biasa. Mereka mempunyai keluarga, mereka berperasaan manusia seperti kita, mereka juga akan menjadi letih jika tanggungjawab yang mereka jalankan tiap-tiap hari berlipat kali ganda, lebih-lebih lagi doktor dan pakar perubatan setiap masa kerja mereka melibatkan manusia yang mempunyai seribu satu macam masalah penyakit. Tugas mereka adalah amat penting dan kritikal dan mereka selalu menjaga nyawa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kepincangan yang terdapat di dalam perkhidmatan kesihatan di Sabah ialah kekurangan alat-alat perubatan yang perlu. Misalnya di hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu tidak ada colonoscope, tidak ada fibre optic bronchoscope, tidak ada treadmill E.C.G. untuk stress test dan tidak ada mesin X-Ray dengan angiographic setup dan lain-lain. Di sebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, di mana terdapat alat-alat perubatan tidak ada kakitangan yang terlatih untuk menjalankan alat-alat tersebut.

Sebagai contoh, Bahagian Spinal Injury Unit dan Regional Burns Unit di Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu, kedua-duanya tidak berjalan kerana tidak ada kakitangan terlatih untuk mengendali dan mengawasi alat-alat perubatan di unit-unit tersebut. Keadaan seperti ini adalah serba salah dan tindakan positif harus diambil dengan serta-merta agar perbelanjaan Kerajaan tidak sia-sia dan mutu perkhidmatan perubatan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan perkhidmatan pergigian dan kesihatan ibu dan kanak-kanak di negeri Sabah juga tidak memuaskan, walaupun ada bangunan dan pusat pergigian tetapi kakitangan adalah kurang. Sebanyak 23 jawatan pakar pergigian tetapi

hanya 17 telah diisikan, dua daripada jawatan ini iaitu 'Oral (ENT) Surgeon' masih belum diisikan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada statistik yang mana saya kemukakan tadi, kami di Sabah merasa amat keciwa kerana tertinggal jauh dalam bidang yang penting ini. Sesungguhnya perkara-perkara ini mesti diperbetulkan dan langkah-langkah wajar mesti diambil sekarang oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kekurangan serba serbi dalam bidang kepakaran dan peralatan moden ini, Sabah juga merasa hampa terhadap perkhidmatan kesihatan di luar bandar seperti pusat kesihatan di Kampung-kampung, kelinik-klinik dan "dispensary". Kebanyakan daripada khidmat-khidmat ini tidak memuaskan, ada "dispensary" yang pembinaannya dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi tidak dapat dilaksanakan sehingga ini oleh kerana tidak mendapat peruntukan walaupun tapak dan tanah sudah dikenal pasti.

Adakah para perancang dan adakiahwan Rancangan Malaysia Keempat terlalu optimistik atau cuai merancang sesuatu atau menyediakan sesuatu program pembangunan di luar kemampuan negara. Inilah satu perkara yang patut kita kaji bersama kerana punca kegagalan dalam pelaksanaan setiap projek pembangunan itu yang disebabkan oleh kemampuan yang tidak cukup boleh melemahkan dasar kita.

Tuan Yang di-Pertua, andai kata situasi yang berlaku sekarang ini di Sabah tidak boleh di atasi, maka keadaan ini akan menjadi satu masalah besar kepada negara. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan menitikberatkan hal ini di samping memberikan peruntukan

yang secukup-cukupnya kepada Jabatan Perubatan Sabah untuk mengendalikan program-program kesihatannya. Kita tidak mahu berulang lagi kejadian di mana pada satu ketika dahulu berlaku "in-patient", dengan izin, tidak dapat "ration" makanan kerana dikatakan peruntukan tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah besar yang kami hadapi di Sabah. Kami disediakan dengan satu perancangan yang indah oleh pihak Kementerian Kesihatan, tetapi perlaksanaannya masih belum dimulakan pada masa ini.

Adalah mustahil sudah selama suku abad kita merdeka, kita masih lagi kekurangan pakar-pakar perubatan dan kesihatan. Sekiranya Kementerian Kesihatan berpendapat ramai pakar-pakar dan para doktor tidak mahu berkhidmat lama atau lebih suku menubuhkan "practice" sendiri, maka siapakah harus disalahkan kalau keadaan tidak boleh diperbaiki atau Kerajaan kurang minat dalam memberi insentif yang wajar kepada pakar-pakar dan para doktor tersebut. Bidang kepakaran dan kedokteran merupakan bidang professional dan mereka seharusnya diberikan layanan yang istimewa, walaupun tidak yang terbaik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong Belanjawan negara bagi tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pontian.

4.33 ptg.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, dalam sama-sama inebahaskan Rang Undang-undang Bekalan 1985, sebagaimana yang telah dibentangkan

oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 19hb Oktober 1984 yang lalu, terlebih dahulu saya sebagaimana rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan khasnya dan kepada Kerajaan amnya yang telah mengemukakan satu bentuk Belanjawan yang sebegitu rupa untuk memperkukuhkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, rangka Belanjawan itu seharusnya disambut dengan baik oleh seluruh rakyat kerana ianya sedikit sebanyak memberi keringanan dan keselesaan sama ada kepada yang kaya, yang kurang berada, yang di kota atau desa, di samping tidak mengabaikan kepentingan ekonomi negara yang masih merasai imbas-imbas inflasi dan pertumbuhan ekonomi yang lembab. Dengan mengambil kira kepentingan dan penglibatan kedua-dua pihak iaitu negara dan rakyat bolehlah dikatakan Anggaran Belanjawan ini adalah sebagai Belanjawan gotong-royong yang sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan yang tetap memberi perhatian dan peruntukan serta perancangan yang utama kepada perkembangan pembangunan serta program pelajaran iaitu dengan memberi peruntukan pembangunan sebanyak \$724.75 juta atau lebih kurang 10% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan negara bagi tahun 1985 termasuklah untuk membina 685 bilik darjah sekolah rendah, 569 bilik darjah sekolah menengah serta makmal-makmal dan lain-lain peralatan, membina 18 buah sekolah menengah vokesyenal, 5 buah sekolah politeknik dan beratus-beratus juta ringgit lagi untuk perkembangan pelajaran di peringkat pelajaran tinggi. Hanya yang saya harapkan ialah segala peruntukan pembangunan

itu dibelanjakan dengan teratur, dirancangan dengan teliti serta menyeluruh sesuai dengan keadaan setempat.

Sebagai contoh untuk mengatasi kekurangan bilik-bilik darjah yang mendesak, rancangan kilat adalah sesuai untuk masa sekarang kerana selain daripada masa yang digunakan untuk membinanya singkat, perbelanjaan juga dapat dijimatkan, hanya yang patut dikaji ialah bahan-bahan yang digunakan dan lain-lain perkara lagi disesuaikan dengan keadaan setempat.

Mengenai pembinaan sekolah-sekolah melalui sistem "package deal", dengan izin, yang di dalam peringkat percubaan di kedua-dua buah negeri iaitu di Kedah dan Johor sekarang ini hendaklah dikaji semula pada masa yang akan datang kerana kelembapan perlaksanaannya telah berlaku. Ini disebabkan oleh keadaan yang tidak sama antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Umpamanya, kerja-kerja telah tergendala disebabkan masalah dan kesulitan untuk mengangkat bahan-bahan yang berat disebabkan tidak ada jalan yang sesuai untuk menuju ke tempat tapak pembinaan, terutamanya yang letaknya di hujung-hujung kampung tanah gambut dan kawasan paya.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan negara kita sebagai negara yang berorientasikan pertanian dan menuju ke arah negara perindustrian, maka pembinaan banyak sekolah-sekolah menengah vokesyenal dan politeknik memang sangat-sangat sesuai dan dialukan-alukan.

Dalam masalah ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya sebuah sekolah menengah vokesyenal dapat segera dibina di daerah Pontian untuk menampung murid-murid lepasan kelas menengah rendah dari 11 buah

sekolah menengah yang ada di daerah Pontian. Pada masa ini sekolah menengah vokesyenal yang terdekat dari Pontian ialah di bandar Johor Bharu yang jauhnya lebih kurang 55 batu dari kawasan yang terjauh di Pontian dan sekolah menengah yang lain ialah di bandar Keluang, lebih jauh lagi daripada bandar Johor Bharu itu, sedangkan kemajuan pelajaran di daerah Pontian tidak kalah jika dibandingkan dengan kemajuan pelajaran di daerah-daerah lain dalam negeri Johor. Pembinaan sekolah menengah vokesyenal di Pontian ini telah disuarakan menerusi berbagai-bagai saluran sejak pertengahan tahun 70an dahulu tetapi belum terlaksana hingga sekarang.

Kepada Kementerian Pelajaran, khasnya kepada Menteri Pelajaran yang baru, syabas saya ucapkan kerana rancangannya untuk menitikberatkan semula pelajaran serta penggunaan tulisan jawi di sekolah-sekolah, terutama kepada murid Islam kerana bagi murid-murid Islam dalam pengajaran Agama Islam di sekolah-sekolah yang sedikit-sebanyaknya adalah memerlukan penggunaan perkataan-perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab, sedangkan ada perkataan itu tidak dapat dieja dengan betul melalui tulisan rumi, maka pengajaran dan pembelajaran jawi adalah sangat sesuai dan tepat caranya.

Sebagai contoh perkataan salih dan salam yang dieja dengan syad dan sin di dalam tulisan Jawi hanya dapat dieja dengan "s" sahaja dalam tulisan Rumi sedangkan mukhrijnya atau fonetiknya adalah berlainan. Begitu juga perkataan Qadhi menggunakan "qof", kuliah menggunakan "kap", "bapak" atau "bala" menggunakan huruf "hamzah" hanya dipakai "k" sahaja di dalam tulisan Rumi.

Demikian juga huruf "dhad" dalam perkataan "fardhu". huruf "dza"

dalam perkataan "dzalim" hanya dipakai huruf "d" sahaja yang selaras dengan mukhrij "dzal" dalam Jawi.

Begitu juga huruf "zai" dalam perkataan "zaman" atau "zal" dalam perkataan "dzikir" hanya dipakai "z" sahaja di dalam ejaan rumi. Apa lagi apabila belajar membaca Qur'an terpaksa anak-anak atau kanak-kanak Islam itu mahir dalam huruf-huruf Arab atau huruf Jawi. Memang sudah sewajarnya penggunaan tulisan Jawi itu dikembangkan semula. Tambahan pula tulisan Jawi ialah tulisan pesaka-pesaka yang telah digunakan sejak lebih kurang 700 tahun dahulu sebelum munculnya tulisan rumi di tanahair kita ini.

Kalau di zaman penjajahan dahulu surat-surat penting seperti undang-undang tubuh kerajaan, perjanjian-perjanjian antara Kerajaan dan lain-lain ditulis dalam Tulisan Jawi dan pegawai-pegawai penjajah terpaksa belajar tulisan Jawi kalau mahu naik pangkat, mengapa pula tulisan itu kita mesti buang atau diabaikan sahaja.

Saya mencadangkan supaya Parlimen membuat suatu Akta yang menetapkan penggunaan tulisan Jawi dengan lebih berkesan lagi selaras dengan Perlembagaan Malaysia. Perkara 152.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh usaha meninggikan nilai-nilai dan syiar Islam di negara kita yang mengakui bahawa Islam adalah Agama Rasmi, saya berpendapat bahawa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1984 yang bertarikh 17hb Mei, 1984 iaitu Pekeliling yang meminda peraturan mengenai kelayakan Cuti Haji yang di bawah Perintah Am 34 dan 35 Bab 'C', walaupun memberi faedah kepada satu pihak tetapi mengurangkan faedah kepada pihak yang lain, patutlah dipinda atau diubah semula.

Maksud saya ialah kakitangan Islam yang telah berkhidmat selama 4 tahun dan telah disahkan dalam jawatannya dibolehkan mendapat Cuti Haji bergaji penuh selama 40 hari termasuk kelepasan am dan hujung minggu, sedangkan sebelum adanya Pekeliling baru itu, mereka hanya dibolehkan cuti tanpa gaji. Ini adalah menguntungkan kepada mereka, tetapi mengikut peraturan atau Pekeliling yang baru itu juga, bagi mereka yang sudah bekerja atau berkhidmat 10 tahun dan telah diluluskan jawatannya sama juga seperti mereka yang telah bekerja selama 4 tahun iaitu mendapat cuti bergaji penuh selama 40 hari juga, sedangkan di dalam kaedah Cuti Haji yang lama sebelum adanya Pekeliling itu, mereka berhak mendapat cuti maksima selama 4 bulan dengan syarat seminggu sebelum pergi dan seminggu setelah kembali dapat cuti sepenuhnya.

Jadi, saya cadangkan cuti itu dibuat kepada dua jenis iaitu bagi mereka yang telah berkhidmat selama 4 tahun dan disahkan jawatannya mendapat cuti sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan yang baru dan bagi mereka yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan telah disahkan jawatannya diberi cuti mengikut kaedah cuti Perintah Am Bab "C", 34 dan 35 sebagaimana yang telah lalu.

Selain daripada itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat mengurniakan tambang percuma kepada kakitangan yang beragama Islam untuk menunaikan fardhu Haji iaitu tambang bagi dirinya sendiri kepada mereka yang telah berkhidmat selama 15 tahun dan tambang bersama isteri atau suami mereka pada mereka yang telah berkhidmat selama 25 tahun. Pengurniaan tambang percuma untuk menunaikan fardhu Haji seperti ini telah diamalkan oleh beberapa negeri di Malaysia ini. Kerajaan bolehlah memulakan perkara ini

apabila keadaan ekonomi negara mula bertambah baik. Jika dipersetujui, pengurniaan ini adalah hanya sekali sahaja sepanjang atau selama-lama tempoh perkhidmatan pegawai-pegawai berkekaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tugasnya untuk memberi penerangan, pendidikan dan hiburan kepada rakyat maka RTM telah banyak membuat perubahan dan kebaikan dari satu masa ke satu masa. Saya ucapkan syabas. saya tertarik hati dengan rancangan bahasa kita yang disiarkan di kaca TV.

Selain daripada memberi contoh-contoh sama ada contoh yang betul atau contoh-contoh yang salah yang diambil daripada akhbar dan juga daripada iklan-iklan yang menjadi daya tarikan kepada penonton, penyampaiannya juga jelas, terang dan tersusun, baik dari segi perkataan juga jalan bahasanya, termasuklah ejaannya. Dengan cara demikian dapatlah memberi pengajaran hal penggunaan bahasa dengan betul. Seterusnya diharapkan dapat menghapuskan pencemaran-pencemaran bahasa. Hanya diharapkan "Rancangan Bahasa Kita" itu akan dapat diperbaiki lagi dari semasa ke semasa dengan menambahkan waktu penyiarannya dan juga memasukkan pula beberapa bidang-bidang lain yang sesuai.

Satu daripadanya saya cadangkan diadakan rancangan perbualan bahasa pertuturan dengan menggunakan sebutan yang betul, yakni sebutan bahasa standard dalam tajuk dan situasi yang berlainan serta dilakukan oleh berbagai kaum rakyat Malaysia.

Cadangan mengalih-bahasakan kepada Bahasa Malaysia akan filem-filem asing adalah satu perkara yang sangat dialu-alukan. Diharaplah perkara ini dapat dilaksanakan dengan

seberapa segera yang boleh mengikut kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan mengenakan cukai barang-barang kegunaan sendiri yang dibawa masuk ke negara ini sebanyak 50% adalah satu langkah yang baik kerana dengan adanya cara itu, bukan sahaja pihak Pegawai-pegawai Kastam mudah menjalankan tugasnya, maka pihak orang ramai atau rakyat biasa juga mudah mengambil keputusan sama ada mereka mahu beli barang-barang keperluan itu di luar negeri atau tidak kerana mereka mudah memikirkan dan mengingatkan semuanya kena cukai 50%. Dengan adanya cukai yang tersebut dapat kita mengurangkan pengaliran wang keluar negara serta dapat menyokong peniaga-peniaga di dalam negeri.

Dengan penguatkuasaan serta merta cukai tersebut, maka peniaga-peniaga di negara tetangga kita, terutama di seberang Tambak Johor yang mempunyai pelanggan hampir 80% daripada penduduk-penduduk di Selatan Semenanjung Malaysia telah mulai mengeluh dan ini menjadi pertanda baik kepada peniaga-peniaga di selatan Semenanjung, terutama di bandar-bandar di selatan negeri Johor dan dapat mengurangkan pengaliran wang kita ke luar negeri dan untuk menambahkan hasil negara untuk mengelakkan pengaliran wang negara ke luar negeri, saya cadangkan diadakan cukai yang berpatutan kepada mereka yang hendak ke luar negeri bertujuan melancong.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.50 ptg.

Tan kok Hooi (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya

mengucapkan berbanyak terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut berbincang dalam Belanjawan Tahun 1984. Saya ingin memberi sokongan yang penuh kepada Belanjawan 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Encik Mohd. Daim bin Haji Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia pada 19hb Oktober, 1984 di Dewan yang mulia ini.

Tuan yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Belanjawan tahun 1985 dibentangkan di Dewan yang mulia, seluruh rakyat kelihatan cemas dan bimbang kerana Menteri Kewangan yang baru akan membawa Belanjawan menyakitkan memandangkan negara masih menghadapi kemelesetan ekonomi. Akan tetapi di luar jangkaan semua orang sejak Belanjawan 1985 dibentangkan di Dewan ini segenap lapisan masyarakat berpendapat Belanjawan itu adalah patut dan tidak menyakitkan. Belanjawan ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional mencuba sedaya-upaya agar golongan berpendapatan rendah tidak dibebankan. di samping itu Kerajaan juga meneruskan langkah berjimat-cermat. Langkah ini mungkin menyebabkan sebilangan projek tidak dapat dilaksanakan menurut jadual atau dibekukan. Dalam hubungan ini rakyat perlu memahami tujuan Kerajaan. Bagi saya pula, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam berjimat-cermat itu janganlah sekali-kali Kerajaan mengambil langkah yang boleh menjejaskan kebajikan, kehidupan pelajaran rakyat serta aspek-aspek lain. Pada keseluruhannya Belanjawan ini bolehlah diterima dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mengemukakan beberapa cadangan di sini. Kajian semula cukai pendapatan perseorangan adalah berita paling baik bagi rakyat kali ini. Meskipun begitu masih ada orang yang berpendapat, orang kaya

mendapat faedah yang lebih besar dalam kajian semula ini berbanding dengan orang berpendapatan rendah. saya bersetuju dengan pendapat sedemikian kerana kadar cukai pendapatan hanya diturunkan 1% daripada 6% dan 9% kepada 5% dan 8% masing-masing. Kadar 1% itu sangatlah kecil. Sekiranya Kerajaan ingin memberi faedah kepada golongan yang berpendapatan rendah ini, saya mencadangkan potongan perseorangan hendaklah dinaikkan daripada \$5 ribu yang diberikan sekarang kepada \$6 ribu. Potongan untuk isteri ditambah daripada \$2 ribu kepada \$3 ribu dan pembayar cukai dan isteri hendaklah diberi rebate \$60 dan \$30. Untuk mencapai matlamat 70 juta penduduk potongan cukai untuk anak-anak adalah berpatutan. Malaysia tergolong sebagai salah sebuah negara yang konservatif. Sejak dahulu lagi kita memberi penekanan kepada adat menghormati orang-orang tua. Oleh itu, anak-anak mempunyai tanggungjawab untuk menjaga ibubapa mereka. Negara kita berbeza daripada negara Barat di mana ibubapa yang sudah tua dijaga oleh Kerajaan.

Di Malaysia kita menggalakkan anak-anak tinggal bersama orang tua mereka supaya ibubapa dapat hidup bahagia sebelum akhir hayat. Dengan itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi potongan cukai sebanyak \$3 ribu untuk ibubapa. Ini bermaksud apabila kesemua potongan dicampurkan, orang perseorangan yang mendapat kurang daripada \$1,000 sebulan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman dilanda inflasi ini keluarga yang mendapat \$1,000 sebulan menghadapi masalah untuk menampung belanja.

Mengenai pencen yang dikecualikan daripada cukai pendapatan, buat masa ini ramai yang mendapat pencen lebih

daripada satu. Oleh itu, langkah Kerajaan menghadkan pengecualian kepada pencen yang terbesar sahaja sangatlah bijak meskipun langkah ini agak lewat diambil. Akibat daripada keemelesetan ekonomi pasaran tidaklah begitu menggalakkan dan berbagai-bagai bidang perniagaan telah terjejas. Dipercayai restoran-restoran merupakan salah satu bidang yang paling teruk terjejas. Mungkin ini berkaitan dengan cukai perkhidmatan 10% dan kenaikan duti bahan-bahan keperluan restoran. Belanjawan kali ini menurunkan kadar duti bagi beberapa jenis bahan makanan import di antara 25% hingga 50%. Langkah ini dapatlah mengatasi sebahagian besar daripada masalah-masalah restoran. Para penguasa restoran dipercayai akan berterima kasih kepada Kerajaan.

Pada tahun lalu saya telah mencadangkan supaya cukai perkhidmatan 5% jangan dinaikkan kepada 10% dan cukai ini tidak harus diperluaskan ke bidang-bidang lain iaitu dari hotel-hotel diperluaskan ke restoran-restoran. Pada masa itu saya memberi alasan bahawa cukai 10% harus dikenakan ke atas orang-orang yang keluar masuk hotel kerana mereka orang berada dan juga pelawat-pelawat asing. Tetapi cukai 10% yang dikenakan ke atas orang-orang makan di restoran-restoran akan menghambat golongan menengah dan bawah mengunjungi restoran-restoran. Oleh itu, saya ingin merayu sekali lagi supaya cukai perkhidmatan 10% bagi restoran-restoran dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan mahu melindungi kereta nasional yang akan dikeluarkan tahun hadapan, duti import kereta-kereta asing telah dinaikkan. Ini tidak memeranjatkan. Selain daripada menaikkan duti import untuk tidak menggalakkan penggunaan barangan luar negeri, galakan dan pendidikan

amatlah juga perlu supaya rakyat mengutamakan barangan keluaran tempatan. Di Jepun dan Korea misalnya hampir kesemua rakyatnya menggunakan kereta negara sendiri. Cara ini dapat menjimatkan tukaran asing dan juga menunjukkan patriotism mereka. Apabila kereta nasional dikeluarkan kesemua kereta rasmi yang digunakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah digantikan dengan kereta-kereta Malaysia secara berperingkat-peringkat.

Kenderaan yang digunakan oleh kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri hendaklah juga kereta Proton Saga keluaran Malaysia. Kita patut bangga dengan Proton Saga. Bagaimanapun, kereta nasional hendaklah mengutamakan teknologi tinggi. Rekabentuk yang cantik, penggunaan minyak yang jimat dan tahan lama. Ciri-ciri ini akan mendapat kepercayaan rakyat dan memperolehi daya saingan untuk di pasaran di luar negeri pada masa akan datang.

Dalam Belanjawan 1985 Kerajaan telah menaikkan duti import tayar, menyelaraskan kadar duti 50% bagi semua jenis barang bukan perniagaan yang di bawa masuk ke dalam negara dan pengecualian cukai hanya diberikan kepada kakitangan syarikat yang menggunakan perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Langkah-langkah ini memperlihatkan Kerajaan berazam untuk menggalakkan rakyat membeli dan menggunakan barang dan perkhidmatan tempatan. Saya berharap seluruh rakyat akan menyambut baikhasrat Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyebut tentang dua matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat

Pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat tidaklah mengira kaum, ini bermakna golongan yang miskin sama ada ia petani di luar bandar, nelayan di tepi pantai, penanam sayur di Kampung Baru, penjaja di bandar ataupun pekerja di ladang, perlulah dibantu oleh Kerajaan supaya mereka dapat menikmati taraf hidup yang sewajarnya. Usaha membantu rakyat yang berpendapatan rendah daripada berbagai kaum secara adil akan dapat juga mengurangkan polarisasi kaum. Dalam usaha membasmi kemiskinan, Kerajaan bercadang meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar dan ini termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Tetapi untuk tahun depari Kerajaan hanya memperuntukkan \$71 juta untuk bekalan elektrik luar bandar dan \$76 juta untuk bekalan air. Sekiranya peruntukan ini diberikan kepada 154 kawasan Parlimen secara sama rata, maka setiap kawasan Parlimen hanya mendapat \$460,000 dan \$490,000 masing-masing bagi bekalan elektrik dan air. Jumlah ini sangatlah kecil, kerana paling banyak peruntukan hanya dapat mmbiyai satu atau dua projek kecil. Dalam keadaan begini, tidaklah dapat dipastikan bila luar bandar, pekan-pekan kecil, Kampung Baru dan ladang akan mendapat bekalan elektrik dan air. Jadi, saya mencadangkan supaya Kerajaan menambah peruntukan bagi tujuan pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah juga memperuntukkan \$41 juta bagi pembinaan 685 buah bilik darjah sekolah rendah. Jumlah ini sangatlah kecil. Banyak bangunan sekolah di Kampung-kampung Baru, pekan-pekan kecil, ladang-ladang yang sudah tua dan buruk, ada yang bumbungnya bocor, ada yang tidak cukup cahaya, ada yang berlubang-lubang, selain itu ada juga sekolah yang tidak

mempunyai tandas dan kantin. Oleh itu, Kerajaan hendaklah mengeluarkan peruntukan yang lebih besar dengan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah ini supaya dapat diubahsuai atau dibina semula.

Tuan Yang di-Pertua, ketika membentangkan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan menyentuh juga soal BMF. Beliau menegaskan bahawa sekiranya ada bukti yang menunjukkan adanya penyelewengan, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah dan ini bukan janji kosong. Yang Berhormat Menteri itu juga menyatakan Kerajaan akan mengambil apa juga tindakan untuk memperkokohkan kedudukan Bank Bumiputra dan membina keyakinan orang ramai serta kalangan antarabangsa, dan memastikan peristiwa itu tidak akan berulang. Ketegasan dan jaminan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu saya sanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal peristiwa yang berulang, saya teringat akan apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang kepada pihak akhbar di Kuala Lumpur pada 8hb Oktober mengenai sebuah institusi kewangan tempatan yang menyeleweng. Katanya institusi itu telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$30 juta dengan cara yang tidak mematuhi peraturan dan \$20 juta daripada pinjaman tersebut diberikan kepada dua syarikat yang hanya mempunyai modal berbayar \$2.00. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka selama ini berlagak seperti orang yang berani bercakap dan terkenal kerana membela nasib orang-orang yang berpendapatan rendah. Peristiwa BMF sudah cukup untuk menjejaskan nama baik bank dan institusi-institusi kewangan negara ini. Ia tidak harus berulang lagi. Oleh itu, sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka bersikap bertanggungjawab

dan mengambil berat kepentingan rakyat, beliau hendaklah tanpa sebarang sekatan mendedahkan penyelewengan institusi kewangan yang diketahuinya itu.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu tidak membuat apa-apa dalam soal ini, maka keperibadiannya terpaksalah kita nilai semula. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana beliau bersungguh-sungguh sangat mahu skandal BMF didedahkan secara terperinci tetapi berdiam diri terhadap satu lagi skandal institusi kewangan. Kenapalah begitu? Adakah beliau berubah sikap dan berdiam diri setelah seorang tokoh yang berpengaruh meliponnya dan mahu menemuinya. Setahu saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak takut kepada apa-apa sekalipun. Beliau tidak takut kepada Kerajaan, tidak takut kepada polis, tidak gentar ke mahkamah, masuk penjara pun beliau tidak takut tetapi kali ini beliau sudah takut, kenapa?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang memperkenalkan Belanjawan yang tidak menyakitkan kepada rakyat terutama ketika negara masih menghadapi kemelesetan ekonomi.

Saya menyokong Belanjawan ini dan harap seluruh rakyat akan turut memberikan sokongan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tampin.

5.10 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan yang telah membentangkan Belanjawan yang

diterima ramai dengan rasa lega, kerana di segi kenaikan cukai, kenaikan yang dicadangkan disebut tidak menyakitkan. Sementara cadangan penurunan cukai pula disifatkan sebagai pemurah untuk menggalakkan rakyat kita bekerja kuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membincangkan hal-hal cukai ini dengan panjang lebar kerana telah banyak dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tetapi izinkan saya menyebut dua tiga perkara.

Pertama sekali mengenai pembayaran pendaftaran kereta motor yang nampaknya telah dinaikkan. Saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya menimbangkannya semula kerana pembayaran sekarang ini telah pun tinggi.

Yang kedua, cukai-cukai yang berbentuk galakan dan perlindungan haruslah diperluaskan kepada bidang-bidang industri yang lain, di mana kita mempunyai bahan-bahan mentahnya. Dalam Belanjawan baru ini Kerajaan cuma menumpukan kepada industri berasaskan getah sahaja. Tetapi kita perlu juga melindungi dan membantu dan menggalakkan industri berasaskan kelapa sawit, kayu-kayan, timah, koko dan sebagainya. Sementara itu seperti banyak disebut oleh lain-lain Ahli Yang Berhormat, kepentingan pengguna tempatan juga harus kita utamakan kerana tidak ada maknanya melindungi industri berkenaan jika mutu barang yang dikeluarkan tidak dipertingkatkan dan yang lebih penting harganya tidak diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan cukai kereta CBU telah pun cukup tinggi untuk melindungi kereta nasional yang akan dipasarkan tidak berapa lama lagi. Tetapi untuk kepentingan pengimport kereta baikpuluh (re-con car) yang

kebanyakannya terdiri daripada syarikat-syarikat bumiputera, saya mohon supaya pertimbangan khas diberikan. Ini ialah kerana pada hemat saya, pasaran kereta-kereta baikpulih adalah berlainan dan tidak menjadi saingan kepada kereta nasional atau Proton Saga. Yang kedua, kebanyakan dari pembeli kereta baikpulih ini merupakan mereka yang memerlukan kereta tetapi tidak berkeupayaan membeli kereta baru. lebih-lebih lagi peniaga-peniaga kecil yang ingin menerokai bidang perniagaan tetapi tidak punya modal yang besar.

Yang ketiga, di negara kita Malaysia, industri baikpulih kereta masih belum wujud. Pasaran kereta second-hand, dengan izin, terutamanya model-model jenis popular telah dikawal begitu cara menjadikan harganya tidak murah jika dibandingkan dengan kereta-kereta baikpulih yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing, tetapi dari segi perbandingan jumlah wang yang terlibat dalam pengimportan kereta-kereta baikpulih ini jumlahnya tidaklah begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengharapkan pertimbangan khas ini, saya berharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengeluarkan AP-AP yang terkawal kepada pengimport-pengimport kereta baikpulih bumiputera sehinggalah kita berjaya mewujudkan industri baikpulih kereta kita sendiri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian harus juga bersikap tegas kepada pengimport-pengimport kereta baikpulih bumiputera yang telah mengalibabakan AP-AP mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi Belanjawan tahun ini secara amnya tidak berbeza dari strategi Belanjawan tahun-tahun yang lalu. Bersama-sama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada bekas Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah berjaya menguruskan ekonomi negara walaupun keadaan ekonomi antarabangsa tidak menentu dan tidak begitu baik.

Saya mengalu-alukan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengukuhkan imbalan pembayaran dan perdagangan negara. Namun begitu dalam keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu kita tidak perlu berbangga dan meneruskan dasar ekonomi yang terlalu terbuka. Saya setuju dengan kebaikan dan faedah yang kita perolehi melalui dasar ekonomi terbuka tetapi selaras dengan dasar "Buy Malaysian", dengan izin, dalam usaha mengurangi dan mengimbangi aliran keluar tukaran asing, keterbukaan sistem ekonomi kita itu haruslah kita tutup sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, cara yang paling mudah dan berkesan bagi Kerajaan menjayakan dasar "Buy Malaysian" ialah dengan tidak memberi pilihan kepada orang ramai memilih antara barangan keluaran luar negeri dan barangan keluaran dalam negeri. Beberapa barangan yang banyak dikeluarkan oleh pembuat-pembuat tempatan atau ada asing tempatan untuk maksud kawalan harga di pasaran, haruslah diharamkan dari diimport.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah faedahnya bagi Kerajaan

membenarkan pengimportan barang-barang plastik buatan Hongkong dan Jepun sedangkan barangan plastik tempatan baik mutu dan murah harganya dan apakah perlunya Kerajaan membenarkan pengimportan rokok, misalnya, yang dibuat di Amerika Syarikat, sedangkan kilang-kilang rokok kita memasarkan berjenis-jenis macam rokok dan Kerajaan boleh pula mengawal harga rokok tersebut.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menyenaraikan beberapa ratus jenis barangan keperluan rumahtangga yang tidak memerlukan teknologi pembuatan yang tinggi di mana pengimportan atau saingan luar negeri tidak kita perlukan. Tuan Yang di-Pertua, langkah kawalan import ini adalah sangat perlu bukan sahaja untuk maksud imbangian tetapi untuk menggalakkan pertumbuhan industri tempatan khususnya industri luar bandar.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya industri berteknologi tinggi perlu kita utamakan. Cadangan ini memanglah amat dialu-alukan, tetapi memandangkan keupayaan kita teknologi tinggi masih lagi rendah, adalah lebih baik tumpuan juga diberikan kepada pengeluaran barang-barang tempatan berteknologi sederhana yang kita mampu melakukannya, khususnya dalam pengeluaran barang-barang "import substitute", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ganjil jika kita terus membenarkan pengimportan barang-barangan cottage industry negeri China komunis umpamanya, sedangkan kita mempunyai rancangan untuk mewujudkan cottage industry kita sendiri. Kita tidak perlu mengimport barang-barang buatan mudah seperti

pin kertas, stapler, staples, permainan kanak-kanak dan sebagainya, sedangkan barang-barang ini boleh kita buat di luar bandar dalam perancangan cottage industry kita. Bagaimanakah usahawan kecil kita di luar bandar boleh dilindungi dan dimajukan jika kita tidak membantu mereka menghadapi asing barang-barang yang dilambakkan secara murah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengaliran keluar tukaran asing melalui pembayaran tidak nyata (invisible) telah menjadi topik yang hangat di Dewan yang mulia ini. Langkah-langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan diharap akan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Insentif-insentif penggalakan untuk menarik pelancong adalah untuk mendapatkan tukaran asing ataupun aliran masuk. Galakan-galakan cukai yang liberal adalah diharap dapat memberi peluang kepada hotel-hotel kita memberi khidmat yang lebih baik.

Mengikut laporan akhbar dua tiga hari yang lalu, bilangan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia nampaknya telah berkurangan hingga menyebabkan hotel-hotel kita di Pulau Pinang umpamanya terlibat dalam perang harga. Yang demikian usaha menggalakkan pelancongan bukan semata-mata bergantung kepada mutu khidmat industri hotel kita sahaja. Usaha-usaha penjualan Malaysia bukan sahaja harus dilakukan oleh Perbadanan Pelancongan (TDC) tetapi juga bergantung kepada kegiatan yang lebih gigih oleh Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Peruntukan yang lebih untuk maksud ini perlulah disediakan kepada badan-badan dan agensi-agensi yang berkenaan.

Di samping menumpukan kepada usaha-usaha menggalakkan pelancongan luar negeri, usaha

Kerajaan menggalakkan pelancongan dalam negeri di kalangan rakyat Malaysia adalah sangat-sangat dialukan. Pembangunan kawasan-kawasan terpilih untuk tujuan ini sudah tentu memerlukan belanja pelaburan yang tinggi. Namun begitu jumlah rakyat Malaysia yang melancong ke luar negeri adalah satu faktor yang menyebabkan aliran tukaran asing yang keluar terus meningkat.

Sebelum Belanjawan dibentangkan, wujud spekulasi yang hangat tentang ura-ura Kerajaan mengenai bayaran ke luar negeri. Saya rasa dukacita kerana spekulasi ini tidak menjadi kenyataan, kerana saya sangat berharap ianya dilaksanakan untuk mengurangkan jumlah rakyat Malaysia melancong ke luar negeri. Mereka ini merupakan orang-orang yang mampu untuk dicukai kerana hanya orang-orang yang berlebih wang sahaja atau berlebih pendapatan sahaja yang akan berseronok-seronok atau berehat ke negeri orang. Rakyat yang tidak mempunyai lebihan itu perlu mendapat kemudahan hasil dari cukai orang-orang yang bernasib baik itu. Saya berharap Belanjawan 1986 akan memperuntukan perkara ini. Amalan yang dilakukan untuk mencukai wang ke luar negeri ini bukan amalan yang ganjil kerana dilakukan oleh banyak negara dan sudah tentu kita tidak suka melihat rakyat membelanjakan berjuta-juta wang ringgit di negara tetangga kita umpamanya, sedangkan wang-wang ini perlu kita pusingkan di pasaran wang tempatan untuk faedah orang ramai juga. Dalam hal ini saya mengalu-alukan cukai 50% kepada penumpang-penumpang masuk yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sektor pelancongan ada dua sektor besar yang menyebabkan perangkaan invisible ini menjadi

bertambah besar. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperkenalkan galakan perkapalan untuk mewujudkan perusahaan perkapalan yang teguh. Tetapi Yang Berhormat Menteri tidak pula menyebutkan tentang industri insurans, satu sumber pengaliran keluar yang hebat juga. Kedua-dua industri ini adalah kait mengait.

Berkaitan dengan industri perkapalan, cadangan menghadkan galakan-galakan yang dilulus dalam Belanjawan 1984 yang lalu kepada permastautin yang mengendalikan kapal-kapal Malaysia adalah diharap akan membuahkan hasil yang baik. Tetapi kita harus mengakui industri perkapalan kita masih di tahap yang belum boleh dikatakan maju dan mencukupi. Langkah Kerajaan mewujudkan sebuah lagi syarikat perkapalan iaitu PNSL adalah sangat baik. Namun begitu, jumlah kapal-kapal yang dimiliki oleh kedua-dua syarikat perkapalan kita itu, masih kurang bukan sahaja dari jumlahnya tetapi juga dari jenisnya.

Kerajaan perlulah menambah pelaburan dalam hal ini dan menggalakkan penglibatan swasta yang lebih pesat. Kekurangan kapal-kapal jenis yang sesuai bukan sahaja memaksa pihak swasta menggunakan kapal-kapal asing, tetapi pihak Kerajaan juga terpaksa berbuat demikian. Sementara itu, dasar Kerajaan mnggalakkan pembelian secara FOB, perlaksanaannya tidaklah begitu baik. Agensi-agensi Kerajaan pun termasuk badan-badan OBA (Off-Budget Agencies) masih ada yang mengamalkan pembelian secara CIF walaupun arahan atau peringatan-peringatan dibuat berulang-ulang kali. Perkara ini perlu diberi perhatian berat oleh Kementerian Kewangan dan pihak Kontena Nasional perlulah memperkemaskan jentera pentadbirannya sebagai badan yang dipertanggungjawabkan oleh

Kerajaan untuk melaksanakan dasar ini. Dalam pada itu sektor swasta juga harus digalakkan atau dikenakan peraturan untuk mengimport secara FOB demi kepentingan kewangan negara. Arah ini perlu diimbangi dengan peningkatan khidmat industri perkapalan dan insuran negara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membincangkan sedikit mengenai industri insuran. Industri insuran negara kita sebenarnya tidak mempunyai keupayaan dalam mengurus insuran perkapalan. Dari segi modal terkumpul atau berbayar, kebanyakan syarikat insuran tempatan seperti MNI, TALASCO dan sebagainya masih belum mampu mengendali insuran-insuran dagangan yang kebanyakan nilai insurannya empat, lima kali ganda lebih dari modal berbayar mereka. Akibatnya kita terpaksa menggunakan khidmat insuran syarikat-syarikat luar negeri yang besar seperti LLOYD dan sebagainya. Memandangkan pengaliran keluar tukaran asing yang hebat melalui industri insuran, adalah amat perlu Kerajaan membuat sesuatu untuk memperbesar dan memperkukuhkan industri syarikat-syarikat insuran kebangsaan. Penglibatan dan pelaburan pihak swasta patut digalakkan di samping pelaburan yang lebih oleh agensi-agensi dan pihak Kerajaan sendiri. Tenaga kepakaran tempatan dalam bidang peninsuran juga haruslah dipertingkatkan. Nampaknya Rang Undang-undang Insuran Islam yang akan dibentangkan tidak pula menyentuh bidang insuran perdagangan dan perkapalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya mengurangkan perbelanjaan awam seterusnya mengurangkan imbalan pembayaran seperti yang dilaporkan oleh yang Berhormat Menteri semasa

membentangkan Belanjawan Negara. Tetapi Kerajaan perlu juga mengkaji akibat dan kesan-kesan dari usaha-usaha penjimatan itu. Saya tidak bermaksud menentang langkah pengawalan perbelanjaan dengan penangguhan projek-projek, pembekuan jawatan, pengurangan peruntukan dan lain-lain lagi langkah. Malah saya menyokong kuat langkah mengurangkan perbelanjaan dan pembaziran dengan usaha memperkhemaskan lagi jentera pentadbiran Kerajaan. Tetapi dari peringkat pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan itu diterima secara begitu serius sehinggakan mendatangkan kerugian yang lebih besar.

Di kawasan saya umpamanya, Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit membina loji air tetapi loji air itu tidak dapat digunakan ke tahap maksima kerana tidak cukup kakitangan akibat dasar pembekuan jawatan. Perkara ini belanjutan selama setahun. Hanya dua, tiga bulan kebelakangan ini barulah usaha awal mengisi kekosongan itu dibuat. saya berharap kes serupa ini tidak banyak berlaku di lain-lain tempat dan kerana ternyata sekali tidak wujud penyelarasan di antara jabatan-jabatan, dalam kes ini antara Jabatan Bekalan Air, Bahagian Kewangan Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Adalah tidak logik sama sekali pembinaan loji air yang menelan berjuta-juta ringgit tidak diiringi dengan usaha pengisian jawatan-jawatan penting yang memakan belanja beribu-ribu ringgit sahaja. Pengurangan atau pemotongan peruntukan kepada jabatan-jabatan harus juga dibuat secara berhati-hati, teliti dan harus dibincangkan dengan jabatan pengguna itu oleh pihak yang mentadbirkan kewangan. Lebih-lebih lagi bagi peruntukan yang dikategorikan dalam Kategori penyelenggaraan.

Saya menimbulkan perkara ini kerana di kawasan saya misalnya, mutu penyelenggaraan beberapa jabatan nampaknya terjejas akibat pemotongan peruntukan dan pembekuan pengisian jawatan-jawatan penting. Jalanraya-jalanraya dan jalan-jalan luar bandar berlubang-lubang di sana sini. Sistem perparitan jalan tidak lagi sebaik dahulu. Pihak JKR tempatan tidak mempunyai cukup kakitangan dan peralatan. Begitu juga halnya dengan Jabatan Parit dan Taliair dan Majlis Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pemotongan peruntukan yang dicadangkan untuk maksud penyelenggaraan tidak dipotong, kerana jika mutu penyelenggaraan menurun, kita tidak akan dapat mencapai objektif penjimatan dan pengawalan perbelanjaan yang sebenar-benarnya. Apa yang akan berlaku ialah penggandaan kos untuk memperbaiki prasarana yang telah kita adakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan semasa membahaskan Ucapan Belanjawan 1984 yang lalu, saya telah menekan betapa perlunya jabatan dan agensi-agensi Kerajaan termasuk agensi OBA memperkemas jentera pentadbiran masing-masing dalam usaha mengurangkan perbelanjaan. Antara perkara yang saya tegaskan ialah sistem kerja lebih masa yang kita warisi dari sistem pemerintahan British lagi perlulah diganti dengan sistem yang lebih baik yang menekankan kepada produktiviti lebih daripada keinginan untuk mendapatkan lebih duit dari kerja lebih masa. Ini ialah kerana jumlah wang yang terlibat bagi kerja-kerja lebih masa adalah begitu tinggi dan tidak setimpal dengan produktiviti yang dihasilkan.

Dari segi pentadbiran khususnya dari segi motivasi sistem QCC perlulah

dipertingkatkan pelaksanaannya. Ura-ura Kerajaan untuk mengubah sistem kenaikan pangkat juga perlulah dipertingkatkan pelaksanaannya. Dan yang lebih penting dari segi motivasi, politiking di jabatan haruslah dibasmikan.

Saya juga telah membincangkan dengan panjang lebar betapa perlunya sistem pentadbiran Jabatan Bekalan dan Stor di jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan diperkemas dan dipermodenkan lagi. Dalam hal ini Kerajaan perlulah memberi tumpuan yang istimewa kerana Jabatan Bekalan dan Stor adalah jabatan yang banyak menghabiskan wang Kerajaan. Secara am sistem inventori atau sistem bekalan Kerajaan adalah lemah dan diabaikan. Akibatnya terdapat pembaziran berjuta-juta ringgit dalam pengikatan stok yang tidak bergerak. Sistem pembelian secara tender dan masa membuat keputusan yang terlalu lama juga mengakibatkan perbelanjaan Kerajaan yang tinggi. Dasar Kerajaan mengutamakan harga yang murah dalam banyak kes juga mengakibatkan belanja penyelenggaraan yang tinggi dan pembaziran pelaburan. Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji semula sistem pentadbiran inventori Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih dan pengwujudan pengurusan moden yang berkesan melalui kakitangan yang terlatih di jabatan-jabatan bekalan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sekali lagi peruntukan pembangunan yang dapat diperuntukkan lebih kurang jika dibandingkan dengan sektor pengurusan. Memahami maksud Kerajaan dalam hal ini, langkah-langkah ini nampaknya terpaksa dibuat. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, pengurangan wang yang dilaburkan untuk maksud

pembangunan akan melembabkan lagi kegiatan ekonomi dalam negara kita. Kerajaan nampaknya mengharapkan sektor swasta mengambil alih peranan ini dengan beberapa skim galakan dan melalui dasar penswastaan. Dalam perkara penswastaan ini ingin saya menyentuh tentang keupayaan rakyat kita sendiri melibatkan diri khususnya golongan bumiputera atau adakah kita telah menyediakan kepakaran-kepakaran tempatan dari kalangan swasta untuk mengambil alih kegiatan-kegiatan yang sedang diuruskan oleh Kerajaan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat dari luar bandar saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana terus memberi keutamaan kepada pembangunan luar bandar. Bekalan air dan letrik di luar bandar termasuk di rancangan-rancangan FELDA masih banyak yang perlu kita segerakan. Jumlah \$1,044 juta yang diperuntukkan jelas sekali tidak mencukupi.

Dalam hal ini pihak Jabatan Bekalan Air dan pihak Lembaga Letrik Negara perlulah memikirkan cara-cara untuk mengurangkan kos pembekalan air dan pembekalan letrik supaya wang yang terhad itu dapat digunakan kepada lebih banyak projek.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dua cadangan. Yang pertama, untuk pertimbangan Jabatan Bekalan Air dan yang kedua untuk pertimbangan Lembaga Letrik Negara.

Sistem bekalan air sekarang tertumpu kepada pembinaan loji pembersihan air dan pengedaran serta pengagihan air melalui paip saluran yang kadang-kadang berpuluh-puluh batu panjangnya. Sistem ini menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Akibatnya masih banyak terdapat kawasan-kawasan pendalaman yang jauh dari loji tidak mendapat bekalan air paip. Bagi kawasan-kawasan pendalaman di mana terdapat sumber air seperti sungai, lombong, dan bekalan air bawah tanah umpamanya, saya suka mencadangkan supaya Jabatan Bekalan Air memikirkan mewujudkan sistem bekalan air setempat dengan menggunakan teknologi "ozonic". Ini adalah kerana teknologi baru "ozonic" telah dapat mengurangkan kos dan membolehkan pemerosesan air minuman tanpa kalori cukup untuk kampung yang memerlukan 200,000 gelan air sehari. Sistem ini juga mengurangkan kos pembelian kalori dan pembinaan paip pengedaran yang menelan belanja beribu-ribu juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Letrik Negara juga patut mempelbagaikan sumber pengeluaran tenaga elektrik dan tidak tertumpu sangat kepada sistem rangkaian tenaga kebangsaan. Saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyebut bahawa tumpuan Lembaga Letrik Negara ialah kepada sistem elektrik hidro. Bagi kawasan-kawasan yang sesuai, projek mini hidro yang diperkenalkan perlulah diperluaskan lagi supaya lebih banyak kampung-kampung pendalaman dapat menikmati tenaga elektrik. Sementara itu masih terdapat banyak kawasan FELDA di pendalaman masih belum mendapat bekalan elektrik walaupun telah mengeluarkan hasil untuk beberapa tahun. Bagi rancangan kelapa sawit yang terdapat kilang-kilang sawit, saya suka menyarankan supaya teknologi bio-gas bersumberkan hampas dan buangan sawit dapat digunakan. Jika sekiranya pihak Lembaga Letrik Negara kurang kemampuan maka projek-projek mini hidro dan bio-gas ini bolehlah diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata penduduk-penduduk di kampung tradisi adalah petani-petani. Sistem pemilikan tanah dan corak pertanian tradisi dan sistem ekonomi pelbagai menyebabkan purata pendapatan mereka masih lagi di bawah garis kemiskinan. Keazaman Kerajaan untuk terus membasmi kemiskinan melalui pelaksanaan tegas Dasar Ekonomi Baru adalah sangat-sangat dialu-alukan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kemiskinan di kampung-kampung tidak akan dapat dihapuskan selagi Kerajaan dan penduduk kampung tidak menukar sistem dan struktur ekonomi desa. Memandangkan sistem ekonomi desa adalah warisan tradisi dan telah dicorak untuk matlamat penjajahan, usaha merobahnya dan memperkenalkan sistem yang baru adalah perkara yang amat rumit yang bukan sahaja melibatkan fakta-fakta ekonomi, sistem tanah tetapi juga budaya kampung yang telah sebatidijiwa orang-orang kampung. Usaha ini memerlukan pelaburan yang tinggi, kepakaran, kesungguhan bukan sahaja dari pihak Kerajaan dan agensi-agensis yang dipertanggungjawabkan tetapi juga sambutan orang-orang kampung itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengkagumi idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mencadangkan supaya sistem pertanian dan ekonomi desa disusun semula dengan pengwujudan pertanian komersial dan pengwujudan kampung-kampung kelompok. Memandangkan perkara ini adalah penting, rumit dan memerlukan kepakaran, saya berpendapat usaha-usaha pelaksanaan perlulah diperbuat sebagai satu usaha khas.

Meneliti Anggaran Belanjawan 1985, saya merasa dukacita kerana di bawah peruntukan pertanian tidak diperuntukkan peruntukan khas untuk

maksud ini. Mungkin peruntukan ini disekalikan dengan peruntukan-peruntukan yang lain. Saya difahamkan Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun diarah mewujudkan kampung kelompok contoh berasaskan sistem ekonomi baru di tiap-tiap daerah di bawah kelolaan Pegawai Daerah.

Saya tidak berapa setuju dengan cara ianya diurus dengan membebaskan ini kepada Pegawai-pegawai Daerah. Perkara ini adalah perkara yang memerlukan kepakaran dan perlu dibuat secara tumpuan khas dan secara penuh masa. Adalah lebih baik jika Kerajaan menambahkan pegawai yang terlatih khas di peringkat negeri dan diperingkat daerah untuk merancang, melaksana, mengawal, mengkaji kekuatan dan kelemahan dan yang lebih penting menyelaras kerana penyelarasan teliti adalah perlu. Usaha-usaha ini bukan sahaja melibatkan agensi-agensis di bawah Kementerian Pertanian tetapi juga agensi-agensis di bawah Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Kerjaraya, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain-lain lagi Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa pelaksanaan idea murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu akan memakan masa dalam pelaksanaannya. Sementara itu Pegawai-pegawai Pertanian di semua peringkat perlulah berusaha dengan lebih gigih lagi untuk memperkenalkan petanian niaga dan lain-lain dasar yang termaktub dalam Dasar Pertanian Negara yang baru kepada petani-petani.

Saya suka menyarankan kepada Jabatan Haiwan supaya menumpukan kepada penwujudkan industri ternakan

lembu susu, lembu daging, kambing dan sebagainya memandangkan hampir 90% keperluan susu negara adalah didimport dan hampir 60% keperluan daging negara juga diimport. Usaha penternakan lembu dan kambing patut dijadikan industri desa yang bercorak commercial.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan hal pertanian dan ekonomi desa ini, izinkan saya menyentuh tentang rancangan FELDA dalam konteks pertani niaga, kampung kelompok dan pencapaian niat Kerajaan untuk membimbing peneroka-peneroka menjadi petani-petani moden yang berdikari dan berkemampuan.

Saya juga ingin melihatnya dari sudut cita-cita Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat Melayu di luar bandar supaya menjadi masyarakat Melayu yang berbeza cara hidup, budaya dan pemikirannya dari masyarakat kampung tradisi.

Dari segi kemudahan-kemudahan prasarana-prasarana di rancangan-rancangan, usaha Kerjanaan nampaknya terbantut oleh masalah kewangan. Walau bagaimanapun saya berterima kasih kepada peruntukan \$78 juta yang dicadangkan untuk maksud prasarana tersebut. Namun begitu dasar Kerajaan membina jalan masuk yang tidak sesuai ke rancangan-rancangan FELDA yang sesuai dengan penggunaan-penggunaan lori-lori berat kepunyaan FELDA sendiri perlulah dipertimbangkan semula. Walaupun Kerajaan tidak mempunyai tenaga kewangan yang cukup, kos-kos memperbaiki jalan akan menjadi lebih tinggi lagi dari kos pembinaan asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini saya akan menyentuh hal-hal

FELDA ini semasa membincangkan peruntukan Kementerian dalam Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulangi sekali lagi rayuan saya kepada Kerajaan supaya mengubah sikap dan pandangan terhadap khidmat yang sepatutnya diberikan oleh perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu. Sekali lagi pada tahun ini Keretapi Tanah Melayu mendapat peruntukan yang paling ke bawah dalam Kementerian Pengangkutan, sedangkan pentadbiran inilah yang patutnya diberi keutamaan memandangkan umurnya sudah sampai satu abad pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini rel-rel yang digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu sekarang telahpun berumur satu abad dan perlu juga diingat bahawa kebanyakan rakyat yang menggunakan khidmat Keretapi Tanah Melayu adalah dari golongan yang berpendapatan rendah. Golongan kelas menengah yang mempunyai kereta masing-masing dengan pelaburan jalanraya yang begitu banyak tidak akan menggunakan khidmat ini. Yang demikian saya ingin menyeru pada Kerajaan supaya memberikan peruntukan yang lebih kepada Jabatan ini kerana sumbangan Keretapi Tanah Melayu kepada kekuatan ekonomi negara adalah amat penting. Pada masa yang aman damai ini, mungkin kita tidak merasa kepentingannya, tetapi sekiranya berlaku sesuatu kemogokan dan sebagainya kita semua akan merasa betapa perlunya khidmat keretapi yang baik dari segi mengimbangi kos-kos barangan-barangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini sekali lagi perkara Keretapi Tanah Melayu ini akan saya bincangkan

dengan lanjut semasa peringkat Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

5.45 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk turut serta bersama-sama dengan rakan-rakan saya di Dewan ini dalam menyampaikan tahniah serta penghargaan yang ikhlas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas persembahan Belanjawan yang sulungnya yang pada amnya adalah bernas dan pragmatik.

Belanjawan tahun 1985 mengambil langkah-langkah yang bertujuan:

Pertama, untuk memperkukuhkan imbalan pembayaran negara kita.

Kedua memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam.

Ketiga, menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan langkah-langkah bagi mencapai kedua-dua matlamat yang pertama itu amatlah dialu-alukan. Ianya merupakan penerusan satu "trend," dengan izin, yang telah bermula sejak dua tahun dahulu apabila Kerajaan mulai sedar akan kedudukan hutang yang serius yang dihadapi oleh negara kita, akibat dari kurangan yang besar dalam imbalan pembayaran dan juga belanjawan negara kita.

Sektor awam negara kita telah mencapai satu saiz yang terlampau besar dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Di samping itu, perbelanjaan oleh agensi-agensi di

luar Belanjawan ataupun, dengan izin, Off Budget Agencies (OBA) pun telah bertumbuh dengan sangat pesat juga dalam tempoh yang sama. Perbelanjaan yang tidak dikawal ini memerlukan peminjaman yang besar yang harus dikurangkan.

Adalah perlu bagi Kerajaan menjimatkan sumber-sumber yang kemudian boleh disalurkan untuk tujuan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Maka dalam konteks ini langkah yang diambil oleh Menteri Kewangan bagi mengurangkan perbelanjaan OBA sebanyak \$1,500 juta amatlah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian langkah-langkah harus diambil untuk memastikan bahawa OBA-OBA ini akan menjadi lebih bertanggungjawab kepada orang ramai yang secara langsung atau tidak telah menanggung beban mengeluarkan wang untuk dibelanjakan oleh OBA ini.

Saya telah mencadangkan dalam ucapan saya sewaktu membahaskan Belanjawan pada tahun sudah supaya disediakan satu Belanjawan Sektor Awam yang Disatukan ataupun dengan izin, "Consolidated Public Sector Budget", yang akan menunjukkan secara terperinci bukan sahaja Belanja Mengurus dan Pembangunan semua Kementerian dan Badan-badan Berkanun serta cara-cara bagaimana belanjawan ini akan dibiayai, tetapi meliputi semua OBA juga.

Saya berharap bahawa Belanjawan yang Disatukan ini, iaitu Consolidated Public Sector Budget, dapat dikemukakan secara sistematis tidak lama lagi. Tambahan pula akaun-akaun semua OBA-OBA harus dikemukakan kepada Parlimen untuk diteliti. Hanya dengan cara yang

demikian, barulah kita dapat memasti "accountability" yang berkesan di kalangan OBA-OBA ini.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta yang merupakan matlamat ketiga strategi belanjawan 1985 juga haruslah dialu-alukan, khasnya pada peringkat pembangunan ekonomi negara kita buat masa sekarang. Tidak boleh dinafikan bahawa sektor swasta telah mengalami suatu kemerosotan dalam aktiviti dan dinamisannya dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Malahan Laporan Ekonomi Tahun 1984/1985 telah mengakui bahawa perbelanjaan modal oleh sektor swasta sejati iaitu tidak termasuk agensi-agensi di luar belanjawan telah merosot sebanyak 6% dalam tahun 1982 dan 1.3% dalam tahun 1983. Oleh yang demikian, sudah sampailah masanya bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah yang konkrit yang tertentu untuk memulih inisiatif sektor swasta.

Pengurangan dalam kadar-kadar cukai pendapatan perseorangan adalah dianggap sebagai satu langkah ke arah matlamat ini. Tujuan langkah ini adalah untuk menggalakkan simpanan yang bertambah daripada pendapatan yang tidak dikenakan cukai ataupun "take home income" khasnya di kalangan golongan pertengahan dan lebih-lebih lagi bagi golongan kaya. Adalah diharapkan bahawa simpanan-simpanan ini kemudiannya akan dimobilisasikan untuk pelaburan yang produktif. Ini diharapkan akan memerangsang pertumbuhan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, memulangkan wang kepada orang, khasnya mereka yang berpendapatan tinggi, tidak semestinya menggalakkan mereka menyimpan dan melabur dalam negeri. Di sebaliknya ianya mungkin akan menggalakkan penggunaan

mewah (conspicuous consumption) yang berorientasikan import, iaitu barang-barang import, dan pelancongan di seberang laut. Di samping itu mereka mungkin juga akan melabur wang mereka di negara-negara lain. Semua ini akan menambahkan kerugian dagangan (trade deficit) yang tidak ketara (invisible trade loss) dan masalahimbangan pembayaran negara. Maka, nampaknya pengurangan cukai pendapatan di kalangan orang yang berada ini mungkin tidak akan mencapai matlamat yang diinginkan seperti yang telah terbukti di beberapa buah negara yang lain.

Untuk menggalakkan pelaburan yang besar, maka adalah lebih berkesan bagi Kerajaan membuat beberapa pindaan kepada cukai pendapatan syarikat (Corporate income tax) yang kena dibayar sebelum dan selepas perisytiharan dividen. Apabila sesebuah syarikat dipaksa menyimpan dividennya dan tidak membahagikannya kepada pemegang-pemegang saham, syarikat itu tentulah akan menggunakannya, ataupun akan berikhtiar untuk menggunakannya, bagi pelaburan pada masa depan. Sebaliknya keuntungan yang dibahagikan sebagai dividen, kepada pemegang-pemegang saham itu tidak terjamin bahawa ianya akan disimpan, apa lagi dilaburkan semula. Oleh sebab itu, adalah lebih baik bagi Kerajaan menggalakkan simpanan yang lebih oleh syarikat-syarikat, iaitu mengikut konsep 'greater corporate savings' dengan menggalakkan penyimpanan keuntungan dan bukan pembahagian sebagai dividen. Justeru itu, untuk mencapai matlamat tersebut, adalah sesuai cukai pendapatan syarikat dikurangkan daripada 40% sekarang, iaitu tidak termasuk lagi cukai pembangunan sebanyak 5% dan sebagainya, kepada satu paras yang lebih rendah, katakanlah 25% ataupun 30%.

Kemudian suatu cukai sebanyak. katakanlah 60%, harus dikenakan ke atas pendapatan dividen (divident income).

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan telah bercadang untuk mengurangkan kadar-kadar cukai pendapatan perseorangan di mana kurangan kadar bagi golongan yang berada adalah jauh melebihi kurangan bagi golongan yang berpendapatan rendah. Langkah ini bukan sahaja mungkin tidak boleh mencapai matlamatnya untuk menambahkan simpanan dan pelaburan, seperti yang telah saya bincangkan di atas, malah ianya mungkin akan memburukkan lagi ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan (income distribution).

Tuan Yang di-Pertua, kesetaraan dalam pengagihan pendapatan merupakan satu matlamat penting dalam dasar pembangunan negara kita yang tidak patut kita lupakan. Di sebaliknya, saya memang faham dan bersetuju bahawa golongan pertengahan tinggi (upper middle-income group) dan golongan atasan tidak patut dikenakan cukai yang terlampau tinggi juga. Sekiranya ini berlaku dan seperti yang telah berlaku setakat ini, maka kaum profesional dan para usahawan tidak cenderung menambahkan usaha produktif mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai kedua-dua matlamat tersebut, iaitu kesetaraan dalam pengagihan pendapatan dan yang keduanya, galakan kepada golongan iktisas dan usahawan, dua langkah serentak (a two-pronged approach) harus diambil.

Yang pertama, Kerajaan harus meningkatkan paras berkecuali supaya dapat mengecualikan lebih ramai penerima gaji, khasnya golongan pendapatan menengah rendah (lower-middle income group) daripada beban

membayar cukai. Ini dapat dicapai dengan meningkatkan elaun peribadi yang masih belum diubah sejak Belanjawan 1980. Semakin lebih ramai di antara para penerima gaji dikehendaki membayar cukai dalam tahun-tahun ke belakangan ini kerana gaji mereka telah beransur-ansur meningkat. Akan tetapi, akibat dari inflasi gaji benar (purchasing power) mereka ini mungkin tinggal tetap ataupun berkurangan. Maka suatu kenaikan dalam elaun peribadi yang dikecualikan daripada cukai, sekurang-kurangnya mengikut satu kadar yang sama dengan kadar inflasi akan menyingkirkan beban cukai yang tidak adil ke atas mereka ini.

Di samping itu, golongan tersebut akan menggunakan 'disposable income' ini untuk membeli lebih banyak lagi barang keperluan asas seharian. Ini bukan sahaja akan menyenangkan kehidupan mereka tetapi akan juga menggalakkan pertumbuhan perindustrian tempatan yang mengeluarkan kebanyakan daripada barang-barang keperluan asas ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kadar cukai pendapatan perseorangan masih boleh dikurangkan 'across the board', tetapi mungkin tidak sampai ke tahap yang begitu tinggi bagi tiap-tiap kumpulan pendapatan yang dikenakan cukai (taxable income) yang melebihi \$20,000 setahun, seperti yang dicadangi dalam Belanjawan ini. Bagi mereka yang kaya, 'taxable income' yang diperolehi daripada gaji serta bonus dan sebagainya bolehlah dikenakan cukai sehingga paras maksima sebanyak 40% sahaja seperti yang dicadangkan. Akan tetapi pendapatan kena cukai (taxable income) daripada beberapa punca yang lain harus dikenakan cukai pada satu kadar yang lebih tinggi, misalnya 60% bagi dividen, seperti yang telah saya sentuhkan tadi. Dengan begini, para profesional akan diberi galakan

ataupun insentif untuk berusaha lebih kuat. Para usahawan juga akan diberi insentif untuk memperkembangkan firma-firma mereka kerana adanya cukai syarikat yang lebih rendah mengikut cadangan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya gariskan di atas merupakan idea-idea mengenai cukai yang boleh dilaksanakan untuk matlamat menggalakkan pertumbuhan sektor swasta dengan sebenarnya, di samping mengurangkan seberapa banyak yang boleh kesan-kesan yang negatif terhadap pengagihan pendapatan. Saya berharap Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan-cadangan saya ini sungguhpun cadangan-cadangan ini masih secara 'ad-hoc'.

Saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan mengawasi ataupun "monitor" dengan teliti kesan-kesan perubahan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun depan ini. Di samping itu struktur cukai negara kita pada keseluruhannya, termasuk cukai pendapatan, cukai syarikat, cukai jualan dan sebagainya harus dikaji semula dengan teliti dan secara sistematik. Satu reformasi cukai yang menyeluruh dan komprehensif harus dilaksanakan nanti, selaras dengan sistem insentif-insentif yang lain yang sekarang dikaji semula juga oleh Kerajaan. Dengan ini saya berharap bahawa sektor swasta akan menjadi jentera pembangunan ekonomi kita yang dinamik sekali lagi, seperti yang diharap-harapkan oleh Kerajaan dan rakyat jelata.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.02 ptg.

Tuan Seow Hun Khlm (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan Persekutuan 1985 serta Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober yang lalu dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah ditulis dan dibisik terhadap kegagalan besar pinjaman Bank Kewangan Bumiputra Berhad di Hongkong yang berjumlah \$2.5 ribu juta. Perkara telah dirujuk sebagai isu pinjaman Kewangan bumiputera Berhad. Ianya telah menjadi satu skandal. Dengan lebih tepatnya perkara ini lebih sesuai dirujukkan sebagai pembunuhan ribu juta ringgit. Gelaran ribu juta ringgit adalah tepat memandangkan bahawa pembunuhan besar telah berlaku. Seorang eksekutif Bank Bumiputra yang telah dihantar ke Hongkong untuk menyasatkan perkara ini telah dibunuh. Kejadian ini juga hampir-hampir membunuh bank sehingga ianya perlu diambil alih oleh PETRONAS supaya perniagaan dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan jaminan Perdana Menteri bahawa mereka yang terlibat akan dihukum. Sungguhpun jaminan ini begitu menggalakkan namun hukuman sahaja sudah tentu tidak dapat mengelak kejadian yang serupa diulang. Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai fikiran yang waras terhadap perkara ini. Dengan yang demikian kita perlu meninjau perkara ini dari segi langkah-langkah yang dapat diambil supaya perkara yang seumpama ini tidak berlaku semula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan kita dari segi ini satu soal yang utama yang perlu ditanya adalah

kenapa Bank Pusat tidak mengambil langkah untuk mencegah kegagalan yang begitu besar. Adakah Bank Pusat kita sadar tentang perkara ini? Adakah Bank Pusat kita dapat meminimalkan jumlah kerugian yang dialami sekiranya Bank Pusat kita dapat mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Memang mudah untuk kita memberi alasan bahawa keputusan Bumiputra Malaysia Finance dibuat adalah akibat daripada keputusan-keputusan yang bodoh, keputusan-keputusan yang bodoh khasnya sekiranya ada melibati beribu-ribu juta ringgit perlu disoal pada peringkat awal dan bukan dibenarkan untuk berleluasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sadar bahawa Bank Bumiputra bukannya satu-satu bank biasa. Ianya dikatakan sebagai bank yang terbesar di dalam negara kita dan juga menjadi pemegang amanah wang awam. Ia beroperasi dalam sebuah environment yang sangat ketat dan oleh itu mereka yang diamanahkan untuk menjalankannya mesti sentiasa mengingatkan diri mereka tentang kecermatan dalam usaha meluluskan atau memberi pinjaman-pinjaman dan mengenai integrity serta kejujuran dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan yang di-Pertua, tidak ada seorang pun yang dapat menafikan bahawa jumlah wang \$2.5 ribu juta dapat digunakan dengan meluas untuk kegunaan lain. Kita boleh membina lebih dari 80,000 buah rumah murah yang berharga sebanyak \$30,000 bagi setiap rumah. Jumlah itu adalah lebih banyak daripada peruntukan kita untuk perkhidmatan-perkhidmatan sosial pada tahun 1983 cuma berjumlah sebanyak \$2.286 ribu juta. Ia juga mendahului peruntukan kita dalam bidang pertahanan pada tahun lepas. Sekiranya kita memutuskan untuk memberi jumlah yang itu kepada setiap rakyat

Malaysia, bapa, ibu dan anak setiap mereka akan menerima lebih kurang \$200 tetapi yang paling penting sekali barangkali kebanyakan dari projek-projek pembangunan kita tidak perlu ditangguhkan akibat daripada kekurangan sumber-sumber kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan berusaha untuk memandang ringan terhadap perkara yang dikatakan sangat serius. Saya cuma menggaris dimensi kegagalan dan implikasi-implikasinya ke atas ekonomi kita. Mungkinkah kegagalan tersebut akan dielakkan sekiranya terwujudnya sifat-sifat kejujuran, integrity dan kearifan dalam menjalankan tugas? Sekiranya perkara itu dijadikan penyebab kepada kejadian itu maka bagaimanakah boleh kita mencari langkah-langkah pencegah untuk mengelakkan pengulangnya. Mungkinkah Bank Pusat melakukan pengawasan yang lebih rapi ke atas bank itu? Pendek kata mesti mempunyai sikap bertanggungjawab yang lebih luas memandangkan jumlah wang yang terlibat begitu banyak mesti wujud.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya bank itu berhasrat untuk memulihkan kembali keyakinan dan kepercayaan rakyat, maka tindakan-tindakan mestilah lebih bersifat lebih sempurna demi meredakan kemarahan orang ramai. Penukaran ke atas pasukan kawalan yang cuma merupakan satu cara untuk menyelamatkan keseluruhan episode itu PETRONAS sebagai tuan punya baharu Bank Bumiputra Malaysia Berhad patut melakukan pengawasan yang lebih rapi serta memastikan supaya kejadian yang serupa tidak akan diulangi.

Hal ini juga mesti diaplikasikan ke atas semua agensi-agensi lain yang tidak perlu membuat anggaran belanjawan. Bill kita tidak dikatakan bahawa kita tidak menyedari akan kegagalan raksasa kesal itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dijanjikan oleh Jawatankuasa Penyiasat sebuah laporan lengkap mengenai kejadian itu. Saya berharap apabila segala-gala yang telah dikatakan serta dilakukan itu dapat dikotai maka pengkhianat Bank Bumiputra Malaysia Berhad juga akan dihapuskan tetapi saya tidak yakin bahawa hal ini akan dilaksanakan oleh mereka yang semata-mata bermotif untuk memburu kepentingan politik dari isu ini. Pihak Pembangkang sangat arif dalam permainan ini. Kebanyakan daripada rakan-rakan politik kita pasti ingat akan celaan-celaan dan sindiran-sindiran yang dibuat oleh parti pembangkang untuk menghubungkan kejadian itu dengan seorang bekas Ahli Parlimen Seremban dalam pilihanraya kecil di Seremban pada tahun yang lepas.

Saya teringat akan perbincangan-perbincangan yang bersifat olok-olok, slogan-slogan, kartun-kartun yang ditampal serta dicatatkan kepada papan-papan kenyataan dan poster-poster yang dipenuhi dengan sindiran-sindiran yang sial dan memalukan. Mereka telah memodalkan kejadian ini, malahan melalui kempen tipu muslihat itu mereka juga telah berjaya menikmati hasil usaha mereka.

Saya berharap bahawa laporan Jawatankuasa ini akan buat selamalamanya menjadikan serta mengambil perhatian ke atas segala kepalsuan tersebut dan mendedahkan sikap-sikap setengah ahli politik yang sentiasa bersiap sedia untuk mempergunakan isu itu untuk kepentingan diri. Kita semua adalah Ahli-ahli Dewan ini dan saya percaya sekurang-kurangnya terdapat juga kejujuran dan kebenaran yang mulia dalam diri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 27 tahun sejak kemerdekaan pada tahun 1957 negeri kita telah mencapai kemajuan cemerlang di

berbagai bidang seperti di bidang ekonomi, sosial dan pelajaran. Dasar Ekonomi Baru yang dirangka meliputi tempoh masa 20 tahun memang akan mencapai tujuannya sebelum tahun 1990. Sungguhpun demikian negeri kita sedang menghadapi satu masalah serius dalam pembangunan negeri iaitu polarisasi kaum. Ia adalah satu realiti yang tidak dapat kita biar untuk terus merosot. Kita harus bertindak dengan segera untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan sebab-sebab polarisasi kaum adalah banyak dan berbagi. Pada keseluruhannya sebab utama polarisasi kaum adalah berkait rapat dengan perbezaan rakyat mengikut kaum dan layanan yang berlainan yang diberi kepada berbagai kaum di negeri kita.

Masanya sudah sampai bagi kita memansuhkan perbezaan rakyat sama ada di bidang ekonomi, pelajaran atau pekerjaan. Semua rakyat tanpa mengira kaum harus diberi peluang sama agar dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya negeri kita hendaklah menggubal satu Akta yang dipanggil "Racial Discrimination Act" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan sekiranya sektor awam atau sektor swasta bercanggah dengan semangat Akta ini ia boleh didakwa di mahkamah umpamanya garis panduan untuk mengambil masuk pelajar-pelajar ke Universiti tempatnya haruslah berdasarkan kepada baik buruknya keputusan seseorang pelajar. Katanya terdapat dua orang pelajar "A" dan "B" yang memohon masuk kejurusan dan Universiti yang sama. Jika "A" dipilih dan "B" ditolak permohonannya, sungguhpun mempunyai keputusan peperiksaan yang lebih baik dari "A", maka "A" di bawah kuasa Akta ini berhak mendapatkan pembelaan pemilihan

Universiti ke mahkamah. Cara yang sedemikian haruslah merangkumi sektor swasta dan sektor awam semasa menggubal perkara baru.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara adalah dirangka sejajar dengan polisi Kerajaan untuk mencapai 70 juta orang penduduk di bawah pengecualian cukai baharu. Pengecualian bagi anak pertama telah dipinda dari \$800 kepada \$650, bagi anak kedua ditambahkan dari \$700 kepada \$750, bagi anak-anak ketiga, keempat dan kelima ditambah dari \$600, \$500 dan \$400 masing-masing kepada \$800 tiap-tiap satunya. Gambaran ini mencerminkan dengan jelas nyata usaha Kerajaan menggalakkan rakyat melahirkan lebih banyak anak. Sedangkan Kerajaan telah menetapkan polisinya menambah bilangan penduduk, mengapakah unit-unit perancangan keluarga masih ditubuhkan di seluruh negara kita.

Keadaan ini adalah ironical dan bertentangan antara satu sama lain. Tujuan utama penubuhan Unit Perancang Keluarga ialah untuk mendidik dan mengajar rakyat cara-cara merancang keluarga mereka.

Penubuhan Unit Perancang Keluarga kelihatan bercanggah dengan polisi menambahkan bilangan rakyat. Oleh yang demikian, saya cadangkan Jabatan Perancang Keluarga dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini akan menjimatkan perbelanjaan besar dan menjadikan polisi menambahkan bilangan rakyat lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, suami-isteri asing rakyat kita yang bermastautin di negeri kita masih menghadapi masalah halangan besar daripada pihak Kerajaan. Memandangkan Kerajaan benar-benar berhasrat melaksanakan polisi menambah

bilangan rakyat, saya mendesak Kerajaan memberi kemudahan kepada suami-isteri asing rakyat kita yang ingin menetap di negara ini. Saya mencadangkan selepas tempoh masa beberapa tahun yang ditetapkan, kerakyatan haruslah diberikan kepada mereka jika mereka memohon.

Tuan Yang di-Pertua, pembahagian kawasan pilihanraya di bawah sistem parlimen berdemokrasi haruslah berasaskan kepada prinsip seorang seundi iaitu untuk seorang pengundi adalah sama berat dengan pengundi lain, tetapi pembahagian kawasan semula oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah amat mengecewakan.

Umpamanya, di Negeri Pulau Pinang, sebelum pembahagian kawasan semula dijalankan, negeri Pulau Pinang mempunyai 9 Kawasan Parlimen iaitu 5 di Seberang Prai dan 4 di Pulau Pinang. Dengan penambahan kawasan-kawasan baru, negeri Pulau Pinang mempunyai 11 Kawasan Parlimen iaitu 6 di Seberang Prai dan 5 di negeri Pulau Pinang.

Jika diteliti bilangan pengundi di negeri Pulau Pinang, satu keadaan yang tidak seimbang telah timbul, Seberang Prai dengan 6 Kawasan Parlimen, cuma mempunyai jumlah pengundi seramai 211,940 orang, manakala negeri Pulau Pinang mempunyai 250,080 pengundi. Berdasarkan kepada prinsip seorang seundi negeri Pulau Pinang sepatutnya diperuntukkan 6 kawasan Parlimen dan Seberang Prai 5 dan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi dalam 6 Kawasan Parlimen di Seberang Prai, 3 kawasan cuma mempunyai lebih kurang 27,000 pengundi, manakala di kawasan Tanjung di Pulau Pinang bilangan pengundi adalah berjumlah seramai 59,000 pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan bilangan pengundi adalah di luar dugaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal kesesakan, lalu lintas di Bandar Bukit Mertajam telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada masa lalu. Dikesali masalah ini masih belum diselesaikan dan semakin teruk, terpaksa saya bangkitkan semula hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan lalu lintas di Bandar Bukit Mertajam pada keseluruhannya adalah disebabkan jalan-jalan di bandar itu pendek dan sempit. Bilangan penduduk dan kenderaan semakin bertambah. Adalah diharapkan Kerajaan Pusat akan memperuntukkan wang bagi membina sebatang jalan baru di pinggir bandar Bukit Mertajam dan bukan semata-mata menolak tanggungjawabnya kepada Kerajaan Negeri. Dengan adanya sebatang jalan baru di pinggir Bukit Mertajam, kenderaan-kenderaan yang tidak ingin memasuki bandar itu akan menggunakan jalan baru itu sebagai jalan lencongan. Dengan sistem baru itu kesesakan lalu lintas di bandar Bukit Mertajam akan dapat diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, titi di hadapan Sekolah Convent di Jalan Kulim, Bukit Mertajam, haruslah diberi perhatian yang sewajarnya. Titi lama itu didapati sempit dan tidak sesuai digunakan lagi, terutamanya pada masa pergi ke sekolah dan masa bersurai. Tindakan memperbaiki dan memperlebar titi lama itu patutlah diambil dengan segera demi kepentingan pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, hemat dan layanan yang diberikan kepada sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan adalah berat sebelah. Bagi sekolah menengah kebangsaan, perbelanjaan

pembinaan bangunan adalah sebulat- bulatnya ditanggung oleh Kerajaan, tetapi bagi sekolah menengah jenis kebangsaan, Kerajaan tidak berbuat demikian. Saya mendesak Kerajaan sekurang-kurangnya menunaikan kewajibannya dengan menyumbangkan bayaran berasaskan kepada seringgat sama seringgat iaitu dermawan masyarakat menderma sering dan Kerajaan membalas dengan angka yang sama. Permintaan ini adalah patut, adil dan tidak melampau.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Bukit Mertajam, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin yang diberi sebidang tanah untuk membina sekolah baru; sekolah ini telah mula mengutip derma dari para dermawan sambil meminta bantuan kewangan dari Kementerian Pelajaran.

Saya sendiri telah menulis beberapa pucuk surat kepada Kementerian Pelajaran tentang hal meminta bantuan kewangan tetapi sehingga saat ini sebarang jawapan masih belum diterima. Adalah diharapkan Kementerian Pelajaran akan bertindak dan menjelaskan berapa banyakkah bantuan kewangan yang sanggup diberikan kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan bagi peringkat universiti bagi kaum siswazah melibatkan kos yang tinggi dan Kerajaan sepatutnya hendaklah merangka rancangannya agar siswazah akan dapat menyumbang tenaga mahirnya demi kepentingan negara dan faedah masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah? Berapa minit lagi?

Tuan Seow Hun Khim: Lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih apa?

Tuan Seow Hun Khim: Lebih panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam 5 minit lagi?

Tuan Seow Hun Khim: Tak boleh habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh habis lagi? Saya minta dipotongkan

esok sedikit. Sekarang masa sudah cukup. Saya minta Ahli Yang Berhormat sambung esok selama 5 minit lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.